

SPM 2023



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

Modul Intervensi Pembelajaran

BAHASA MELAYU

Nama :

Kelas :

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



PANDUAN MENJAWAB SOALAN**BAHAGIAN A - KARANGAN BERDASARKAN BAHAN RANGSANGAN****A Pengenalan**

- Karangan berdasarkan bahan rangsangan atau karangan berpandu memerlukan pelajar menulis karangan berdasarkan bahan yang telah disediakan dan mengembangkan idea berdasarkan maklumat untuk menjadi sebuah karangan yang lengkap.
- Karangan berpandu terdiri daripada dua atau lebih bahan rangsangan seperti gambar, rajah, graf, data, ilustrasi kartun, petikan rencana atau berita, puisi, iklan dan sebagainya.
- Hanya satu soalan sahaja yang diajukan dalam Kertas 1 Soalan Bahagian A dan pelajar wajib menjawabnya.
- Sebanyak **30 markah** akan diberikan.
- Panjang karangan ini hendaklah **tidak kurang daripada 150 patah perkataan dan tidak melebihi 200 patah perkataan.**
- **KONSEP KARANGAN BAHAGIAN A - WAJIB SENTUH SEMUA BAHAN. BUKAN WAJIB SENTUH SEMUA ISI ATAU MAKLUMAT.**

B Kelemahan atau Isu

- Pengenalan kurang tepat apabila tidak dinyatakan tema dan tugas dengan jelas.
- Idea tidak menepati tema/ tugas.
- Idea tidak dihuraikan dengan baik.
- Pemerenggan tidak seimbang.
- Penggunaan ayat yang kurang/ tidak gramatis
- Penulisan fakta yang salah atau kurang tepat.
- Idea dan contoh yang tidak sesuai.
- Kesalahan tatabahasa yang nyata.
- Laras bahasa yang tidak sesuai.
- Kesilapan format karangan.
- Penggunaan penanda wacana kurang/ tidak tepat.
- Tidak mengemukakan sekurang-kurangnya satu ungkapan menarik yang sesuai/ menyatakan peribahasa yang tidak tepat.

C Cara Menjawab

- Pelajar perlu merancang bentuk penulisan sebelum menulis dan akhirnya membuat semakan.
- Sebelum menjawab, pelajar perlu meneliti dan menganalisis tema atau tugas soalan yang diberikan berdasarkan maklumat yang terdapat dalam setiap bahan rangsangan.
- Pelajar dicadangkan untuk menulis empat perenggan, iaitu satu perenggan pendahuluan, dua perenggan isi dan satu perenggan kesimpulan.
- Sesuaikan maklumat bahan dalam setiap perenggan karangan agar menjadi penulisan yang penuh bermakna.
- Masukkan sekurang-kurangnya satu slogan, peribahasa, ataupun kata-kata hikmat.
- Patuhi jumlah patah perkataan yang telah dinyatakan dalam arahan soalan, iaitu antara 150 hingga 200 patah perkataan.

D Skor Cemerlang

[25 markah hingga 30 markah]

- Karangan menepati tema atau menjawab tugas.
- Bahasa gramatis dari segi kata dan juga ayat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat.

- Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, hadis, dan petikan ucapan.
- Idea relevan dengan tema dan diuraikan dengan jelas dan matang.
- Pengolahan sangat menarik dan berkesan.

E Jenis-jenis Karangan

| Berformat | Tidak berformat |
|-------------------------------|---------------------------|
| ○ Surat rasmi | ○ Penjelasan |
| ○ Surat tidak rasmi | ○ Perbincangan |
| ○ Syarahan / Ceramah / Ucapan | ○ Huraian |
| ○ Perbahasan | ○ Ulasan |
| ○ Rencana | ○ Saranan |
| ○ Berita | ○ Pendapat |
| ○ Laporan | ○ Fakta |
| ○ Wawancara / Dialog | ○ Gambaran / Keperihalhan |
| ○ Resume | |
| ○ E-mel | |

F Proses 5M dalam penulisan karangan

- **Membaca** – Pelajar perlu membaca dan menganalisis semua bahan daripada soalan.
- **Menganalisis** – Pelajar perlu memahami tema dan tugas soalan.
- **Merangka** – Pelajar perlu merancang penulisan karangan agar semua maklumat dalam bahan telah dibincangkan dan diuraikan.
- **Menulis** – Pelajar bersedia menulis karangan dengan menggunakan ayat yang gramatis, pemerenggan yang seimbang dan wacana yang lengkap.
- **Menyemak** – Pelajar perlu menyemak karangan.

STRATEGI MENJAWAB SOALAN

Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
30 markah
30 minit

1. Membuat Penelitian (2 minit)

- i. Murid perlu meneliti bahan rangsangan yang diberikan.
- ii. Murid perlu memahami dan menentukan perkara yang dikehendaki berdasarkan bahan rangsangan yang diberikan.

2. Membuat Perancangan (5 minit)

- i. Murid perlu memikirkan dan menyenaraikan idea yang berkaitan dengan bahan rangsangan.
- ii. Murid perlu menyenaraikan sekurang-kurangnya dua atau tiga idea utama berdasarkan bahan rangsangan.

3. Menulis Karangan Berpandu (30 minit)

- i. Murid perlu menulis perenggan pendahuluan.
- ii. Murid perlu menulis idea sekurang-kurangnya dua atau tiga idea (bergantung pada bahan) dan menghuraikannya.
- iii. Masukkan sekurang-kurangnya satu ungkapan menarik yang sesuai.
- iv. Murid perlu menulis kesimpulan karangan.
- v. Memastikan karangan menyentuh semua bahan.

4. Membuat Semakan (3 minit)

- i. Jumlah perkataan – pastikan jumlah perkataan karangan dipatuhi.
- ii. Tiada ayat tergantung, terlalu panjang sehingga maksudnya kabur.
- iii. Gunakan istilah atau perkataan yang sesuai.
- iv. Gunakan tanda baca yang sesuai.

KARANGAN BAHAGIAN A

BAHAGIAN A

[30 markah]

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan alam sekitar di negara kita. Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah membendung pencemaran alam sekitar. Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Kerangka Karangan

| MENULIS PENDAHULUAN | |
|----------------------------|---|
| JENIS AYAT | HURAIAN |
| Ayat Tema/ Isu | Dewasa ini, pencemaran di Malaysia semakin menjadi-jadi. |
| Ayat Huraian | Buktinya, sebanyak 9681 laporan pencemaran alam sekitar diterima oleh Jabatan Alam Sekitar sepanjang tahun 2019. |
| Ayat Tugasan | Persoalannya, apakah langkah yang perlu diambil oleh pihak berkenaan untuk membendung pencemaran alam sekitar? (ayat persoalan) ATAU |

| | |
|--|---|
| | Oleh hal yang demikian, pihak berwajib perlu mengambil tindakan bagi memastikan pencemaran alam sekitar dapat dibendung. (ayat pernyataan) |
|--|---|

| MENULIS PERENGGAN ISI | |
|--|---|
| JENIS AYAT | HURAIAN |
| Ayat Topik | Langkah-langkah membendung pencemaran alam sekitar ialah pihak kerajaan perlu melancarkan Hari Alam Sekitar Negara. |
| Ayat Huraian <i>*pelajar boleh masukkan UM atau contoh dalam ayat huraian.</i> | <p>Mengapa Hal ini bertujuan untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan menjaga alam sekitar.</p> <p>Bagaimana Sebagai contoh, kerajaan menetapkan 21 Oktober setiap tahun sebagai Hari Alam Sekitar Negara.</p> <p>Kesan Secara tidak langsung, perkara ini dapat mendidik masyarakat supaya bertanggungjawab menjaga alam sekitar bertepatan dengan slogan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama.</p> |
| Ayat Penegasan | Tegasnya, Hari Alam Sekitar Negara merupakan langkah yang efektif bagi menangani masalah ini. |

| MENULIS PERENGGAN ISI | |
|--|---|
| JENIS AYAT | HURAIAN |
| Ayat Topik | Selain itu, kerajaan juga boleh memperkasa program kitar semula dalam kalangan masyarakat. |
| Ayat Huraian <i>*pelajar boleh masukkan UM atau contoh dalam ayat huraian.</i> | <p>Mengapa Keadaan ini boleh mendidik masyarakat untuk mengurangkan pembuangan sampah di negara kita.</p> <p>Bagaimana Tamsilnya, masyarakat boleh membuang sampah mengikut kategori berdasarkan warna pada tong sampah yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.</p> <p>Kesan Implikasinya, program kitar semula mampu menyedarkan masyarakat tentang pentingnya pengurusan sampah dengan betul.</p> |
| Ayat Penegasan | Tegasnya, program ini merupakan usaha yang boleh mengurangkan pencemaran alam sekitar. |

| MENULIS PERENGGAN KESIMPULAN | |
|------------------------------|--|
| JENIS AYAT | HURAIAN |
| Ayat Rumusan | Kesimpulannya, terdapat pelbagai langkah yang boleh diambil bagi membendung pencemaran alam sekitar. |
| Ayat Cadangan | Oleh itu, semua pihak perlulah bekerjasama bagi memastikan alam sekitar terus terjaga. |
| Ayat Harapan | Sehubungan dengan itu, alam sekitar yang bersih dapat dinikmati oleh generasi akan datang. |

Karangan Lengkap:

Dewasa ini, pencemaran di Malaysia semakin menjadi-jadi. Buktinya, sebanyak 9681 laporan pencemaran alam sekitar diterima oleh Jabatan Alam Sekitar sepanjang tahun 2019. Persoalannya, apakah langkah yang perlu diambil oleh pihak berkenaan untuk membendung pencemaran alam sekitar?

Langkah-langkah membendung pencemaran alam sekitar ialah pihak kerajaan perlu melancarkan Hari Alam Sekitar Negara. Hal ini bertujuan untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan menjaga alam sekitar. Sebagai contoh, kerajaan menetapkan 21 Oktober setiap tahun sebagai Hari Alam Sekitar Negara. Secara tidak langsung, perkara ini dapat mendidik masyarakat supaya bertanggungjawab menjaga alam sekitar bertepatan dengan slogan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama. Tegasnya, Hari Alam Sekitar Negara merupakan langkah yang efektif bagi menangani masalah ini.

Selain itu, masyarakat perlu memperkasa program kitar semula bagi memastikan pencemaran dapat dibendung. Keadaan ini boleh mendidik masyarakat untuk mengurangkan pembuangan sampah di negara kita. Tamsilnya, masyarakat boleh mengasingkan sampah mengikut kategori berdasarkan warna pada tong sampah yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Implikasinya, program kitar semula mampu menyedarkan masyarakat tentang pentingnya pengurusan sampah dengan betul. Tegasnya, program ini merupakan usaha yang boleh mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai langkah yang boleh diambil bagi membendung masalah ini. Oleh itu, semua pihak perlulah bekerjasama bagi memastikan alam sekitar terus terjaga. Sehubungan dengan itu, alam sekitar yang bersih dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

(190 patah perkataan)

KARANGAN BAHAGIAN B – ESEI RESPONS TERBUKA
PANDUAN UMUM

1. Mengandungi **empat pilihan soalan**. Calon hanya perlu menjawab **satu** soalan sahaja.
2. Karangan mestilah menepati kehendak soalan / tugas soalan.
3. Calon perlu mengemukakan tiga atau empat idea yang sesuai.
4. Jumlah perkataan dalam karangan Bahagian B ini *mestilah* antara **350 hingga 500** patah perkataan.
5. Karangan yang tidak akur dengan jumlah patah perkataan akan menyebabkan *impression* rendah dan menjejaskan markah.
6. Karangan cemerlang mestilah menjawab tugas di samping menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata luas dan tepat, huraian jelas dan matang, contoh yang sesuai dan berkesan.
7. Unsur bahasa yang digunakan mestilah bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmah, maksud hadis, terjemahan ayat suci al-Quran dan lain-lain.
8. Karangan mestilah menggunakan gaya bahasa yang menarik dan laras bahasa yang sesuai dengan tugas.
9. Keseluruhan karangan mestilah memperlihatkan kematangan.
10. Karangan mestilah ditulis dengan tulisan yang kemas, bersih dan jelas.

Bahagian B: Karangan Umum / Respons Terbuka
70 markah
1 jam 30 minit

- 1. Membaca Semua Soalan (10 minit)**
 - i. Baca semua soalan yang dikemukakan dan buat pilihan yang tepat berdasarkan pengetahuan murid tentang soalan tersebut.
- 2. Membuat Perancangan (10 minit)**
 - i. Murid perlu memikirkan dan menyenaraikan idea-idea yang berkaitan dengan tugas.
 - ii. Murid perlu menyenaraikan sekurang-kurangnya tiga atau empat idea yang utama.
- 3. Menulis Karangan (60 minit)**
 - i. Murid perlu menulis satu perenggan pendahuluan yang mengandungi tema dan tugas.
 - ii. Murid perlu menulis idea (tiga atau empat idea) berserta huraian, contoh dan penegasan.
 - iii. Murid perlu menulis kesimpulan karangan berserta cadangan dan harapan.
- 4. Membuat Semakan (10 minit)**
 - i. Pastikan tiada ayat yang kurang / tidak gramatis.
 - ii. Pastikan istilah atau perkataan yang sesuai.
 - iii. Pastikan ejaan dan tanda baca yang betul dan tepat.
 - iv. Pastikan akur dengan jumlah patah perkataan.

PENGGUNAAN PENANDA WACANA DALAM KARANGAN

Penanda wacana ialah perkataan ataupun rangkaian perkataan yang berfungsi untuk menghubungkan sesuatu idea, hujah, dan pandangan seseorang semasa menulis ataupun berucap. Seandainya sesuatu wacana berkenaan tidak mempunyai penanda wacana yang tepat, akan menyebabkan seluruh kandungan wacana berkenaan tidak mempunyai kesatuan dan pertautan yang lengkap.

A. PERENGGAN PENDAHULUAN

Mulakan karangan dengan kata / frasa berikut;

- a. Akhir-akhir ini,
- b. Sejak belakangan ini,
- c. Marcapada,
- d. Pada masa ini,
- e. Kini,
- f. Dasawarsa ini,
- g. Dewasa ini,

Akhiri pendahuluan dengan **Ayat Tugasan / Fokus** menggunakan frasa berikut :

- a. Sebenarnya, terdapat pelbagai cara / usaha / kepentingan / kesan
- b. Oleh yang demikian, terdapat pelbagai cara / usaha / kepentingan / kesan
- c. Persoalannya, apakah cara / usaha / kepentingan / kesan

B. PANDUAN MEMULAKAN PERENGGAN IDEA / ISI

Penanda memulakan idea baharu

- a. Selain itu,
- b. Di samping itu,
- c. Dalam pada itu,
- d. Pada waktu yang sama,

Penanda wacana huraian idea karangan

- a. Hal ini dikatakan demikian kerana ...
- b. Hal ini berlaku demikian kerana ...
- c. Hal ini terjadi kerana ...

Penanda wacana untuk memberikan contoh dalam karangan

- a. Misalnya, /Misalannya,
- b. Contohnya, /Sebagai contoh,
- c. Tamsilnya/Sebagai tamsil...

Perkataan yang boleh digunakan untuk menggabungkan dua huraian dalam satu ayat: Contoh: Masalah sosial yang dibincangkan oleh masyarakat ini memang memeningkan kepala (*Huraian 1*) ~ membimbangkan semua pihak. (*Huraian 2*)

- a. malah
- b. malahan
- c. tambahan pula
- d. sementelahan
- e. sekali gus

Penanda wacana menerangkan huraian atau pendapat yang berbeza

- a. Walau bagaimanapun,
- b. Namun demikian,
- c. Daripada perspektif yang berbeza,
- d. Jika dilihat dari sudut lain,

Frasa untuk memulakan atau memasukkan peribahasa / ungkapan menarik

- a. ... persis kata peribahasa,
- b. ... persis kata peribahasa Melayu,
- c. ... bak kata peribahasa,
- d. Hal ini menepati peribahasa ...
- e. Senario ini bertepatan dengan peribahasa Melayu,

Frasa untuk menyatakan statistik

- a. Berdasarkan perangkaan terkini yang diperoleh, sebanyak...
- b. Bukti jelas dan terkini yang berkaitan dengan perkara ini menunjukkan bahawa...
- c. Statistik yang sah lagi tepat telah dikeluarkan oleh Kementerian pada tahun menunjukkan sebanyak...

Penanda wacana penutup idea (Ayat Simpul / Ayat Penegas) bagi setiap perenggan isi:

- a. Natiujahnya,
- b. Kesannya,
- c. Oleh itu,
- d. Memang tidak disangkal / dinafikan bahawa...
- e. Jelaslah bahawa...
- f. Sudah terang lagi bersuluh

C. PANDUAN MENULIS PERENGGAN PENUTUP

Mulakan ayat perenggan penutup dengan kata berikut;

- a. Kesimpulannya,
- b. Intihanya,
- c. Konklusinya,

KARANGAN BAHAGIAN B

Gejala buli siber merupakan isu yang sangat serius dan perlu dikawal dengan kadar segera tanpa sebarang kompromi. Langkah pencegahan awal sangat penting bagi menangani isu ini dan sudah tentunya bermula daripada sikap ambil peduli.

Sumber: *Dewan Siswa*

Selain langkah yang dinyatakan di atas, jelaskan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan bagi menangani gejala tersebut.

CONTOH KARANGAN

Mutakhir ini, isu buli siber menjadi bualan masyarakat. Buli siber terjadi kepada individu-individu yang taasub terhadap media sosial. Oleh itu, semua pihak wajarlah menggalas obligasi dalam menangani gejala buli siber yang merupakan isu yang sangat serius dalam kalangan pengguna maya. Oleh itu, pelbagai usaha efektif serta efisien wajarlah dilaksanakan bagi mencegah sekali gus menamatkan gejala ini. Persoalannya, apakah langkah-langkah yang dapat dilaksanakan bagi menangani gejala buli siber ini?

Ibu bapa memainkan peranan yang paling utama dalam menangani buli siber kerana mereka ialah orang terdekat dengan mangsa buli. Oleh itu, ibu bapa perlulah peka dan prihatin terhadap perubahan perangai anak-anak yang menjadi mangsa buli siber. Tamsilnya, ibu bapa boleh memulakan perbualan ringkas dengan bertanyakan masalah yang membelenggu diri anak-anak dalam rutin harian mereka semasa melayari media sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana anak-anak tidak cenderung untuk meluahkan apa-apa permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Natijahnya, anak-anak akan sentiasa berfikiran positif dan tidak akan membiarkan buli siber merendahkan semangat mereka. Tegasnya, setiap ibu bapa perlulah menumpukan perhatian kepada anak-anak agar mereka tidak menjadi mangsa buli siber.

Selain itu, pihak kerajaan perlulah menggalas obligasi dalam menyebarkan kesedaran sivik kepada pengguna siber tentang etika penggunaannya. Pelbagai kempen kesedaran secara dalam talian boleh dilaksanakan bagi memupuk kesedaran pengguna tentang betapa pentingnya penggunaan media sosial secara berhemah agar tiada kes buli berlaku. Sebagai contoh, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia menghasilkan ceramah motivasi dalam bentuk video berdurasi pendek yang efektif. Hal ini dikatakan demikian kerana pengguna siber di Malaysia cenderung untuk membuli mangsa secara lisan seperti mengejek dan mengeluarkan kata-kata kesat kerana kurang pengetahuan tentang keburukan buli siber. Implikasinya, ramai akan sedar akan impak negatif yang disebabkan oleh buli siber kepada mangsa buli kerana akhlak yang buruk umpama cuka yang merosakkan madu.

Di samping itu, individu terdekat dengan mangsa buli wajarlah mengambil langkah proaktif dengan melaporkan insiden buli agar implikasi yang lebih teruk dapat dielakkan. Hal ini dikatakan demikian kerana ramai individu yang menyaksikan kejadian buli siber ini hanya berdiam diri kerana takut menjadi mangsa seterusnya. Misalnya, kawan karib mangsa buli boleh menyarankan mangsa untuk mendapatkan khidmat kaunselor selepas melaporkannya kepada pihak berwajib. Hal ini bagi meminimumkan impak negatif yang boleh mendorong ke arah kejadian yang lebih teruk seperti kemurungan atau membunuh diri. Tegasnya, individu terdekat perlulah mengambil berat tentang mangsa buli siber di sekeliling mereka agar masalah buli siber dapat ditangani.

Konklusinya, gejala buli siber merupakan isu yang sangat serius dan perlu dikawal dengan kadar segera tanpa sebarang kompromi. Semua pihak wajarlah mengambil tindakan proaktif dalam membanteras jenayah buli siber ini bagi melahirkan generasi siber yang lebih positif dan bertanggungjawab. Sekiranya semua pihak memandang remeh akan isu ini, ramai individu yang akan mengalami kesan negatif sekiranya menjadi salah seorang daripada mangsa buli siber. Oleh hal yang demikian, kita perlulah berganding bahu dalam memaksimumkan usaha bagi menangani isu buli siber.

Latihan Penyuntingan Karangan

Latihan A (i)

Bahagian A

(30 markah)

Soalan ini mesti dijawab

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan amalan menabung.

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **amalan menabung** dalam kalangan masyarakat.*

*Panjangnya karangan anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.***



Contoh 1

Amalan menabung merupakan satu amalan yang sewajarnya diterapkan dan dijadikan amalan oleh masyarakat pada hari ini. Seiring dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat bak ‘cendawan tumbuh selepas hujan’ proses menabung kini menjadi lebih mudah dan efektif dengan adanya kemudahan perbankan Internet. Justeru, marilah kita bersama-sama mengaplikasikan amalan ini dalam kehidupan seharian agar kemaslahatannya dapat dinikmati bersama.

Umum mengetahui bahawa menabung merupakan satu langkah yang ampuh untuk individu menyimpan wang bagi kegunaan kecemasan. Terdapat satu aforisme Melayu yang berbunyi malang tidak berbau. Aforisme ini jelas menunjukkan bahawa kita perlu sentiasa bersiap siaga menghadapi sebarang malapetaka kerana perkara seperti ini boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Oleh itu mujtamak Malaysia diseru agar menjadikan menabung sebagai rutin harian bagi mengelakkan diri dibebani hutang bagi membiayai kes-kes kecemasan.

Di samping itu, menabung juga amat signifikan untuk masa hadapan anak-anak lebih-lebih lagi apabila dikaitkan dengan pendidikan. Di sini, ibu bapa jelas perlu memainkan peranan mereka dengan cara membuka akaun bank yang khas bagi tujuan tabungan pendidikan anak-anak. Dengan adanya simpanan ini impian ibu bapa untuk melihat anak-anak melanjutkan pembelajaran ke Menara Gading adalah lebih cerah. Izharnya, bagi memastikan masa hadapan anak-anak terjamin ibu bapa perlulah mula menabung demi membiayai pendidikan pada masa akan datang.

Konklusinya, sememangnya tidak dapat dinafikan lagi amalan menabung mempunyai 1001 kepentingan yang wajar dititikberatkan oleh sarwajagat Malaysia. Dengan itu bersamalah kita berganding bahu demi meneruskan usaha menerapkan amalan mulia ini dalam kehidupan seharian masyarakat kini. Ingatlah ‘sedikit sedikit lama lama menjadi bukit’.

(..... patah perkataan)

MARKAH :/30

Komen :

Tema :

Idea :

Bahasa :

Pengolahan :

Contoh 2

Petikan membincangkan amalan menabung dalam kalangan masyarakat. Persoalannya apakah amalan menabung dalam kalangan masyarakat?

Antara amalan menabung dalam kalangan masyarakat pada masa kini adalah secara fizikal atau perbankan Internet bagi menggalakkan lagi masyarakat menyimpan wang simpanan mereka. Seterusnya masyarakat perlu membeli mengikut keperluan bukannya kehendak agar dapat menabung duit simpanan mereka.

Di samping itu, ibubapa memainkan peranan untuk membimbing anak-anak mereka sejak kecil lagi untuk membeli barang keperluan sahaja selebihnya wang untuk simpanan masa depan. Oleh itu, simpanan masa depan ini sangat penting dalam kalangan masyarakat. Terdapat banyak kegunaan iaitu, untuk masa kecemasan, pendidikan, membaiki kereta, kos perubatan dan kehilangan kerja secara tiba-tiba.

Ibu bapa perlu mendidik anak-anak menabung untuk masa depan mereka contohnya ibubapa membuat akaun tabungan pendidikan untuk anak mereka sejak kecil lagi. Bak kata pepatah meluntur buluh biarlah dari rebungya.

(..... patah perkataan)

MARKAH :/30

Komen :

Tema :

Idea :

Bahasa :

Pengolahan :

Contoh 3

Amalan menabung merupakan satu amalan mulia yang tidak lagi asing dalam kalangan masyarakat. Dasawarsa ini, amalan menabung boleh dilakukan secara fizikal atau perbankan Internet bergantung kepada kemudahan individu oleh itu terdapat beberapa kebaikan amalan menabung dalam kalangan masyarakat.

Antara kebaikan amalan menabung termasuklah dapat menjadi dana sewaktu kecemasan. wang yang disimpan di dalam tabung atau simpanan bank akan menjadi wang persediaan sekiranya berlaku sebarang perkara yang tidak diinginkan persis kata pepatah Melayu sediakan payung sebelum hujan. Sekiranya kereta mengalami kerosakan atau seseorang kehilangan kerja secara tiba-tiba, wang simpanan ini memainkan peranan yang penting dengan membantu menyara dan menampung kos serta kehidupan seharian.

Selain itu, amalan menabung dapat menjamin masa depan yang cerah. Murid-murid lepasan Sijil Pelajaran Malaysia sudah tentu bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran mereka sehingga ke menara gading. Oleh hal yang demikian, wang simpanan hasil daripada amalan menabung akan membantu pelajar-pelajar untuk merialisasikan impian mereka. Wang simpanan ini akan diperuntukkan sebagai yuran untuk kemasukan pelajar ke universiti yang mereka impikan.

Kesimpulannya, amalan menabung haruslah diterapkan dalam kalangan masyarakat di Malaysia kerana sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit. Penerapan amalan menabung dalam diri akan melahirkan masyarakat yang bijak dalam pengurusan wang dan berdisiplin dalam kehidupan.

(..... patah perkataan)

MARKAH :/30

Komen :

Tema :

Idea :

Bahasa :

Pengolahan :

Contoh 4

Simpanan jaminan masa depan merupakan frasa yang menunjukkan kepentingan menabung kepada pelbagai pihak pada masa ini. Oleh itu, setiap individu perlulah menabung untuk memastikan masa depan terpelihara dengan bantuan wang simpanan. Amalan menabung juga memberikan pelbagai impak positif kepada setiap individu.

Kini, menabung merupakan suatu perkara yang mudah untuk dilakukan kerana boleh dilakukan secara fizikal serta perbankan Internet mengikut kemahuan setiap individu. Secara amnya, perbankan Internet lebih selamat digunakan serta mudah digunakan di mana-mana sahaja. Walau bagaimanapun, menabung secara fizikal masih relevan untuk diamalkan pada era teknologi moden ini mengikut kemahuan individu.

Selain itu, ibu perlu perlulah menyediakan tabungan pendidikan untuk anak-anak sebagai persediaan awal mereka untuk melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi agar amalan berhutang dapat dielakkan. Kesannya, anak-anak sudah persediaan kewangan untuk menghadapi fasa yang lebih mencabar serta mengelakkan berlaku masalah kewangan kerana ibu bapa mereka yang bersikap sediakan payung sebelum hujan dan berfikiran panjang.

Kemudian, amalan menabung juga sangat membantu ketika detik-detik kecemasan kerana malang tidak berbau. Oleh itu, amatlah penting untuk menabung agar mempunyai dana kecemasan supaya dapat digunakan pada saat-saat yang tidak terduga. Contohnya, wang simpanan dapat membantu untuk membiayai kos perubatan jika seseorang individu terlibat dalam kemalangan jalan raya yang mengakibatkan banyak kerosakan dan juga kecederaan

(..... patah perkataan)

MARKAH :/30

Komen :

Tema :

Idea :

Bahasa :

Pengolahan :

Bahagian B**Contoh 1**

BERA: “Sukan rakyat perlu dipopularkan. Hal ini bagi memastikan sukan rakyat tidak luput ditelan zaman, menjadi tarikan pelancong dan dapat meningkatkan pendapatan rakyat. Sukan rakyat seperti gasing, congkak, batu seremban, dan timbang bola merupakan sebahagian daripada identiti rakyat Malaysia,” kata Perdana Menteri Malaysia.

Sumber: Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kepentingan-kepentingan sukan tersebut.

Dalam meniti arus kemodenan sains dan teknologi, masyarakat lebih banyak meluangkan masa menggunakan pelbagai jenis peranti yang canggih supaya tidak ketinggalan zaman dan menjadi seperti katak di bawah tempurung. Oleh itu, perkara ini menjadikan sukan rakyat semakin dilupakan oleh masyarakat kini sedangkan sukan rakyat mampu memberikan 1001 faedah kepada mereka yang mempraktikkannya dalam kehidupan seharian. Seyogianya, sukan rakyat seperti gasing, galah panjang, dan timbang bola perlulah dipopularkan kepada setiap individu agar dapat diterapkan dalam diri supaya dapat dipelihara serta dinikmati oleh generasi masa depan. Persoalannya, apakah manfaat-manfaat mempopularkan sukan rakyat?

Sebagai cetusan idea pertama, antara manfaat mempopularkan sukan rakyat termasuklah mengeratkan hubungan masyarakat bagi memastikan hubungan terpelihara kerana muafakat membawa berkat. Hal ini dikatakan demikian kerana sukan rakyat dapat menyatukan masyarakat yang berbeza kaum dengan mudah serta secara tidak langsung menjadikan negara sentiasa sejahtera dan berdaulat. Sebagai contoh, sukan rakyat yang dijalankan dalam sebuah komuniti menjadikan Komuniti tersebut saling tolong-menolong bagai aur dengan tebing bagi memastikan mereka meraih kejayaan. Apabila mereka bermain galah panjang, mereka akan berganding bahu untuk bersama-sama memenangi permainan tersebut serta dapat melatih semangat sepasukan dan akhirnya jurang antara kaum dan bangsa dapat dihapuskan supaya negara sentiasa sejahtera. Tuntasnya, kesan daripada mempopularkan sukan rakyat ini juga merupakan mengeratkan hubungan masyarakat kerana sukan merupakan wahana perpaduan kaum.

Seterusnya, sukan rakyat juga dapat melahirkan masyarakat yang sihat tubuh badan dan juga mental agar menyediakan kualiti kehidupan yang lebih baik kepada masyarakat untuk menjalani kehidupan sehari-hari dengan mudah dan lancar. Oleh itu, masyarakat yang mempraktikkan sukan rakyat dan menjadikannya amalan dalam kehidupan era teknologi yang serba canggih dapat memastikan tahap kesihatan diri sentiasa berada pada tahap yang memuaskan dan bebas daripada segala penyakit berbahaya. Contohnya, mereka yang ingin bermain timbang bola bagi mengisi masa lapang mereka dapat membebaskan toksin melalui peluh yang menjadikan mereka lebih gembira dan bebas daripada sebarang gangguan mental serta menjadikan otak lebih cerdas dan mempunyai kemahiran berfikir yang lebih kreatif kerana badan cergas otak cerdas. Jelaslah, sukan merupakan antara prakarsa bagi menjaga kesihatan tubuh badan dan mental seseorang.

Sebagai tambahan, sukan rakyat juga dapat menjadi tarikan pelancong kerana keunikan dan keistimewaannya tersendiri yang tidak ternilai. Oleh itu, pelancong dari dalam mahupun luar negara pasti sangat tertarik untuk mencubanya bagi merasai sendiri keseronokan sukan rakyat ini. Secara tidak langsung, sukan rakyat juga membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat selain daripada meningkatkan integrasi nasional dengan pelancong asing yang datang ke Malaysia, bak kata apa peribahasa, sambil

menyelam minum air. Contohnya, pelancong asing yang datang ke Malaysia disebabkan mereka berminat untuk bermain konda-kondi hasil daripada perkongsian melalui media massa akan menjalinkan hubungan dengan masyarakat Malaysia disebabkan mereka ingin mengetahui cara untuk bermain permainan tersebut. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa sukan rakyat ini dapat membantu meningkatkan ekonomi sektor pelancong negara apabila berjaya dipopularkan.

Sebelum mata pena melabuhkan tirai, amatlah diharapkan bahawa semua pihak dapat bersama-sama mempopularkan sukan rakyat supaya kebaikan-kebaikannya dapat diperoleh kerana kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Oleh itu, bagi memastikan usaha ini membuahkan hasil, setiap individu perlulah berusaha dengan gigih kerana yang bulat tidak datang tidak datang bergolek dan yang pipih tidak datang melayang serta Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan kaum itu sendiri yang mengubahnya. Jelaslah, semua pihak perlulah mempunyai iltizam yang tinggi untuk mempopularkan dan mengamalkan sukan rakyat dalam kehidupan bagi mencapai manfaat-manfaatnya kerana ada dinyatakan di dalam al-Quran, "Tidaklah datang kesusahan melainkan bersamanya ada kesenangan". Oleh itu, sukan rakyat merupakan sesuatu perkara yang tidak boleh dipandang remeh mahupun sebelah mata bagi melepaskan batuk di tangga kerana memberikan impak yang besar kepada masyarakat.

(..... patah perkataan)

MARKAH :/70

Komen :

Tugasan :

Idea :

Bahasa :

Pengolahan :

Contoh 2

Aktiviti memusnahkan harta benda awam atau vandalisme dikatakan berlaku disebabkan oleh pelaku yang kurang didikan agama dan moral. Selain itu, ada juga remaja yang terpengaruh dengan perbuatan yang dilakukan oleh rakan-rakan mereka yang merosakkan harta benda awam seperti menconteng dinding tandas dan merosakkan telefon awam. Sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan tidak prihatin akan perkara yang berlaku di sekeliling mereka juga mengundang berlakunya aktiviti tersebut.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan punca-punca berlakunya aktiviti tersebut.

Contoh Karangan 1

Vandalisme boleh didefinisikan sebagai satu perbuatan atau aktiviti yang memusnahkan harta benda awam. Dalam meniti arus kemodenan ini, kadar kes vandalisme di negara kian meningkat seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Perkara ini boleh diperihalkan apabila baru-baru ini, sekumpulan pelajar di sekolah menengah yang bertindak merosakkan kemudahan seperti kerusi dan meja di dalam bilik darjah. Pelbagai usaha telah diambil oleh pelbagai pihak namun tidak membuahkan hasil. Oleh itu, terdapat beberapa faktor berlakunya kegiatan vandalisme dalam kalangan masyarakat yang harus dikenalpasti.

Antara faktor perdana vandalisme berlaku dalam kalangan masyarakat termasuklah kurangnya didikan agama dan moral sejak kecil. Ibu bapa diibaratkan sebagai pencorak dan anak-anak merupakan kain putih. Namun, sikap ibu bapa yang terlalu leka akan kesibukan pekerjaan sehingga tidak memberikan pencerahan yang terbaik kepada anak-anak akan pendidikan agama dan moral. Ibu bapa juga memandang remeh akan perkara tersebut dan memikirkan bahawa pendidikan Agama dan moral bukanlah satu elemen yang penting yang harus diterapkan dalam diri anak-anak. Misalnya, tidak melayan anak-anak dan tidak mengendahkan mereka untuk melakukan apa-apa sahaja. implikasinya, anak-anak akan membesar tanpa mempunyai nilai moral dan keagamaan dalam diri. Tegaslah bahawa kurangnya didikan agama adalah faktor kegiatan vandalisme berleluasa.

Bukan itu sahaja, pengaruh rakan sebaya juga menjadi penyumbang kepada vandalisme dalam kalangan masyarakat. Rakan yang baik sudah tentu akan membimbing remaja atau pelajar ke arah kebaikan. Akan tetapi, terdapat segelintir pelajar yang tersilap memilih kawan yang tidak mempunyai nilai moral dalam diri dan terjerumus ke arah keburukan. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila seorang rakan melakukan perbuatan seperti menconteng dinding tandas dan mematahkan kerusi, perasaan ingin turut serta akan timbul dalam diri pelajar atau remaja. Perkara ini juga akan membuatkan mereka berasa teruja untuk mencuba benda baharu. Selain itu, pelajar atau remaja terpaksa melakukan perbuatan vandal supaya tidak diejek oleh rakan-rakan sebaya yang berkelakuan sumbang. Jelaslah bahawa pengaruh rakan akan menjadi punca vandalisme berlaku.

Akhir sekali, sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan tidak prihatin menjadi faktor berlakunya vandalisme. Dasawarsa ini, masyarakat berbilang bangsa negara menjadi semakin sibuk dalam kehidupan seharian dengan jadual kerja yang amat padat. hal ini menjadikan mereka tidak peka akan perkara yang berlaku disekeliling terutamanya aktiviti vandalisme. mereka lebih mementingkan pekerjaan mereka berbanding kes ini yang semakin hangat di negara. misalnya, masyarakat tidak mengendahkan lukisan-lukisan yang lucah dan contengan perkataan yang kesat serta tidak membuat sebarang laporan kepada pihak berkuasa tentang aktiviti tersebut. Izhar lah bahawa sikap masyarakat sendiri yang acuh tak acuh akan aktiviti vandalisme menjadi punca Kepada aktiviti tersebut berleluasa.

Kesimpulannya, aktiviti vandalisme harus dikekang agar dapat melahirkan negara yang aman dan Harmoni. ibu bapa perlulah menjadi Suri teladan kepada anak kecil kerana Melentur buluh biarlah daripada rebungunya. Di samping itu, masyarakat juga harus cakna dan mempunyai kesedaran akan impak negatif vandalisme kepada negara. sekiranya aktiviti atau kegiatan kegiatan vandalisme masih bergiat dengan aktif sudah tentu negara tidak akan bersaing dengan negara-negara Maju yang lain. bantuan dengan bantuan seluruh masyarakat untuk membanteras vandalisme, negara mampu menjadi sebuah negara yang berkembang dengan pesat di samping Melahirkan generasi muda yang berintegriti

(..... patah perkataan)

MARKAH :/70

Komen :
 Tugas :
 Idea :
 Bahasa :
 Pengolahan :

Contoh Karangan 2

Pada era globalisasi ini jenayah vandalisme telah menjadi masalah yang serius dalam kalangan remaja. Perkara ini dikatakan berlaku disebabkan sikap remaja yang tidak memedulikan kesannya atas alasan kesan tersebut tidak menggugat kehidupan hariannya. Sikap remaja seperti ini sukar untuk dibaiki semula. Persoalannya, apakah faktor-faktor yang mencetuskan remaja untuk melakukan jenayah vandalisme?

Antara faktor yang mencetuskan remaja untuk melakukan jenayah vandalisme ialah kekurangan perhatian daripada ibu bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan penjenayah vandalisme memusnahkan harta benda awam adalah untuk mendapat perhatian ibu bapa mereka. Sering kali, pelaku jenayah vandalisme berharap untuk ditangkap dalam kejadian agar ibu bapa mereka mengambil tahu terhadap mereka. Sebagai contohnya, remaja di sekolah akan melakukan perbuatan yang dilarang dan supaya guru disiplin akan memaklumkan ibu bapanya. Dengan ini, remaja berpeluang untuk bersama-sama dengan ibu bapanya. Tegasnya, pelaku jenayah ini hanya melakukan vandalisme untuk mendapat perhatian ibu bapanya.

Selain itu, aktiviti vandalisme dilakukan oleh seseorang individu akibat pengaruh rakan sebaya. Hal ini begitu kerana tekanan daripada pengaruh rakan sebaya akan mempengaruhi walaupun remaja tersebut tidak berniat untuk melakukan jenayah vandalisme. Sebagai contohnya, rakan-rakan remaja tersebut mengejeknya kerana tidak ingin bersama mereka untuk merosakkan harta benda awam. Sikap remaja yang tidak berdisiplin juga mengundang berlakunya aktiviti tersebut.

Di samping itu, aktiviti vandalisme dilakukan akibat daripada penguatkuasaan undang-undang yang tidak kukuh. Hal ini dikatakan demikian kerana hukuman yang dikenakan kepada pelaku remaja adalah ringan seperti bayaran penalti atau perkhidmatan komuniti. Oleh itu, remaja tidak takut untuk melakukan jenayah vandalisme. Sikap masyarakat juga yang terlalu bersimpati terhadap remaja menyumbang kepada salah laku para remaja. Tegasnya, pihak kerajaan haruslah melaksanakan undang-undang yang lebih ketat dan menjatuhkan hukuman yang lebih berat sebelum nasi menjadi bubur.

Faktor lain yang tercetusnya jenayah vandalisme adalah sikap diri pelaku yang angkuh dan tidak peduli. Hal ini dikatakan demikian kerana sikap diri adalah asas kepada kehidupan. Oleh itu, jika pelaku jenayah tidak mempunyai sikap diri yang berdisiplin dan kukuh, maka dia tidak memedulikan apa-apa sahaja. Sumbangan kepada sikap diri pelaku yang buruk adalah ibu bapa mereka sendiri. Contohnya, bapa penjenayah pernah terlibat dalam jenayah vandalisme. Perkara ini seperti persis kata mutiara anak borek bapak rintik. Dengan ini, sikap diri pelaku jenayah mestilah dibetulkan dengan segera.

Kesimpulannya, segala strata masyarakat mempunyai tanggungjawab dan akauntabiliti untuk membendung jenayah vandalisme. Oleh sebab itu, marilah kita bersama-sama sebagai rakyat yang bersatu padu mengambil inisiatif untuk mewujudkan negara yang sejahtera dan harmoni. Hal ini boleh dikaitkan dengan peribahasa Bahasa Melayu, bersama kita teguh, bercerai kita roboh.

(..... patah perkataan)

MARKAH :/70

Komen :
 Tugas :
 Idea :
 Bahasa :
 Pengolahan :

Contoh Karangan 3

Pada era globalisasi ini, isu vandalisme dan aktiviti memusnahkan harta benda awam yang sentiasa meningkat membimbangkan semua orang. Mengapakah seseorang itu melakukan aktiviti vandalisme, iaitu memusnahkan harta benda awam? Berdasarkan kajian, terdapat beberapa faktor berlakunya aktiviti tersebut.

Antaranya ialah kurang didikan agama dan moral. Terdapat segelintir anak-anak yang tidak diajar dan didedahkan dengan didikan agama dan moral oleh ibubapa. Pada masa yang sama, ibu bapa tidak memberi teguran yang sepatutnya. Sebagai contoh, ibu bapa tidak menegur dan mempedulikan anak-anak semasa mereka melakukan aktiviti-aktiviti tersebut. Oleh kerana sentiasa membiarkan anak-anak melakukan hal tersebut, aktiviti ini telah menjadi satu sikap dan tabiat yang sukar untuk diubah. Jadi, ibu bapa haruslah menjadi suri teladan dan sentiasa mengawasi anak-anak serta mengajar perkara yang patut dan tidak patut dilakukan sejak kecil lagi supaya tidak menjadi satu tabiat buruk. Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungunya.

Selain itu, pengaruh rakan juga menjadi antara faktor yang menyebabkan berlakunya aktiviti tersebut. Terdapat segelintir remaja yang terpengaruh dengan perbuatan rakan mereka yang merosakkan harta benda awam. Contoh terdekat yang dapat diberikan ialah remaja yang merosakkan harta benda sekolah dan melakukan aktiviti vandalisme di dinding, meja dan kerusi sekolah. Hal tersebut bukan sahaja merugikan pihak sekolah, malah menjatuhkan imej sekolah. Oleh hal yang demikian, kita patut mengelakkan diri daripada terjebak dengan aktiviti sebegini. Seperti yang dikatakan oleh orang tua-tua, kita haruslah sentiasa bijak memilih kawan supaya tidak dipengaruhi untuk melakukan aktiviti yang tidak sepatutnya.

Seterusnya, sikap masyarakat yang tidak prihatin dan mementingkan diri sendiri. Masyarakat sepatutnya menjadi contoh dan suri teladan kepada generasi muda. Masyarakat juga berperanan penting melahirkan India individu yang bertanggungjawab dan baik. Namun, terdapat segelintir masyarakat yang membiarkan dan tidak mengambil tahu tentang isu ini. Bagaimanakah caranya untuk mengurangkan masalah ini sekiranya masyarakat mengabaikan dan tidak mengambil berat? Oleh itu, masyarakat harus mengurangkan sikap mementingkan diri serta tidak prihatin. Dengan ini, masalah vandalisme dan pemusnahan harta benda dapat dikurangkan. Contohnya, kita harus menegur sekiranya seseorang itu merosakkan harta benda atau melakukan vandalisme. Jelaslah bahawa masyarakat memainkan peranan yang penting untuk menyelesaikan masalah ini.

Kesimpulannya, ibu bapa haruslah mendidik anak-anak dengan cara yang betul manakala rakan pula harus bijak dipilih oleh seseorang itu supaya dapat mengelakkan diri daripada terjebak dengan aktiviti vandalisme dan pemusnahan harta benda awam.

(..... patah perkataan)

MARKAH :/70

Komen :

Tugasan :

Idea :

Bahasa :

Pengolahan :

SOALAN LATIHAN

Latihan 1

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan rokok elektronik atau vape.

Huraikan pendapat anda tentang rokok elektronik atau vape di negara kita.

Panjangnya surat anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Bahagian B
(70 markah)

Soalan ini mengandungi **empat soalan**. Jawab **satu soalan sahaja**.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara **350 hingga 500 patah perkataan**.

1

Masyarakat hari ini terlalu sibuk mengejar kemewahan duniawi lantas mengabaikan amalan beriadah atau rekreasi. Sebenarnya, rekreasi amat penting kepada masyarakat untuk mengeratkan hubungan sama ada dengan komuniti mahupun dengan ahli keluarga sendiri.

Sumber : Internet

Huraikan kepentingan amalan tersebut berdasarkan petikan berserta kepentingan-kepentingan lain kepada masyarakat.

2

Kadar kemalangan jalan raya semakin meningkat setiap hari dan keadaan ini sangat membimbangkan. Kegagalan fungsi komponen kenderaan, sikap pemandu, dan keadaan cuaca sering dikaitkan sebagai punca berlakunya kemalangan.

Sumber: <https://prihatinspanco.my>

Berdasarkan petikan di atas, anda dikehendaki untuk menyampaikan ucapan Sempena Minggu Kesedaran Keselamatan Jalan Raya.

Tuliskan ucapan tersebut selengkapnya.

3

Kuih tradisional mutakhir ini semakin dilupakan. Bahan mentah yang sukar diperolehi, rupa bentuk yang kurang menarik dan proses penyediaan yang rumit dikenal pasti antara punca kuih tradisional ini berdepan risiko lenyap ditelan zaman.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan faktor-faktor berlakunya situasi tersebut.

4

Kesedaran tentang kanser dalam kalangan rakyat Malaysia masih rendah. Sehubungan itu, Pusat Sumber & Pendidikan Kanser (CaRE), UPM telah menganjurkan program kesedaran kanser yang bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan CaRE dan sebagai satu usaha memberikan kesedaran tentang kanser kepada masyarakat.

Sumber : <https://care.upm.edu.my/>

Selain usaha yang dinyatakan dalam petikan, huraikan usaha-usaha untuk menyedarkan masyarakat tentang masalah tersebut.

Latihan 2

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat tentang rasuah.

*Berdasarkan maklumat tersebut, anda dikehendaki menyampaikan ceramah tentang **rasuah di Malaysia**.*

*Panjangnya ceramah anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*

Apa itu Rasuah?



Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, dan diskaun.



Lapor jika terima rasuah

Langkah ini amat penting dalam usaha putuskan rantaian pemberian rasuah



Muhammad Ridwan
Dhamir Fauzani
Bergambar
Bersama Mafud
dari Kuala Lumpur
berikan kepada
Mafud
penerimaan

Bahagian B
(70 markah)

Soalan ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan sahaja.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Masalah disiplin murid di sekolah pada hari ini dikatakan berpunca daripada murid yang terlalu mengikut kehendak sendiri. Selain itu, ibu bapa juga menjadi penyebab utama kerana keadaan dan suasana dalam keluarga, ditambah pula unsur negatif yang disalurkan melalui media massa seperti filem yang memaparkan aksi luhur dan ganas.

Sumber: <http://eprints.utm.my>

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan faktor-faktor berlakunya masalah tersebut.

2

“Sambutan Hari Keluarga seharusnya menjadi agenda utama dalam kalangan masyarakat. Hal ini amat penting untuk mengeratkan hubungan persaudaraan dan membina insan yang sempurna terutamanya bagi kanak-kanak. Semua ahli keluarga yang menyertai Hari Keluarga dapat mempelajari sikap saling membantu,” kata Pegawai Pelajaran Daerah Setiu, Terengganu.

Sumber: Teganukita.blogspot.com

Berdasarkan petikan, huraikan kelebihan-kelebihan sambutan tersebut kepada masyarakat.

3

Produk peranti elektronik mudah alih seperti komputer riba, tablet dan telefon pintar menjadi bukti perkembangan bidang sains dan teknologi masa ini. Sesungguhnya, kemajuan dalam bidang ini mendatangkan banyak kebaikan kepada manusia. Faedah yang paling ketara terhasil menerusi sains dan teknologi adalah dapat memudahkan urusan seharian di pejabat.

Sumber: *Internet*

Huraikan faedah bidang tersebut berdasarkan petikan berserta faedah-faedah lain kepada masyarakat.

4

Tanpa perpaduan yang kukuh, keadaan negara akan menjadi kacau-bilau dan boleh memberikan impak negatif terhadap kestabilan politik dan perkembangan ekonomi negara. Bahasa merupakan *alat* yang mampu mengukuhkan perpaduan kaum di Malaysia.

Sumber: *Pelita Bahasa*

Selain usaha yang dinyatakan di atas, huraikan usaha-usaha untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Latihan 3

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab

Maklumat di bawah berkaitan dengan perpaduan kaum.

Huraikan pendapat anda tentang perpaduan kaum di Malaysia.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

The collage consists of three distinct images. The top-left image features a group of diverse children smiling and holding a Malaysian flag, with the text "Walau Apapun Perbezaan Kita Adalah Malaysia" overlaid. The top-right image shows a group of people in various ethnic and religious attire celebrating with their arms raised, accompanied by the text "MALAYSIA TANAH AIR TERCINTA RAKYAT HIDUP BERBILANG BANGSA HARGAI KEMERDEKAAN YANG ADA NEGARA HARMONI MAKMUR BERSAMA". The bottom image is a newspaper clipping from "SukanSinar.com" with the headline "Sukan wadah erat perpaduan kaum". The clipping includes a photograph of a football match and some text columns.

Bahagian B
(70 markah)

Soalan ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan sahaja.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Menurut World Health Organization (WHO) 2019, Malaysia merupakan negara paling obes di Asia Tenggara. Rakyat Malaysia dikatakan mengamalkan cara hidup tidak sihat kerana menggemari makanan yang mengandungi kolesterol tinggi. Di samping tidak melakukan senaman, rakyat Malaysia juga suka makan secara berlebihan.

Sumber: *Internet*

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan punca-punca berlakunya masalah tersebut

2

Penggunaan bahasa Melayu yang betul dipandang enteng oleh masyarakat pada hari ini. Bahasa yang dahulunya menjadi '*lingua franca*' kian hilang martabatnya. Oleh itu, langkah yang proaktif perlu diambil bagi memastikan martabat bahasa Melayu dapat ditingkatkan.

Sumber: *Internet*

Sebagai respons terhadap pernyataan di atas, bincangkan langkah-langkah untuk memastikan martabat bahasa tersebut dapat ditingkatkan.

3

Ilmu merupakan teras untuk seseorang menjalani kehidupan seharian. Antara kepentingan ilmu adalah untuk mendapat peluang pekerjaan yang lebih luas. Selain itu, penguasaan ilmu pengetahuan juga penting untuk melahirkan pakar-pakar dalam pelbagai bidang. Ilmu yang dimiliki boleh menjamin masa depan seseorang.

Sumber : <https://brainly.co.id>

Ulaskan pernyataan tersebut.

4

Patriotisme ialah perasaan kasih sayang dan hormat kepada tanah air. Semangat patriotisme penting untuk semua lapisan masyarakat sama ada petani, nelayan mahupun kakitangan awam. Menggunakan kemudahan awam dengan baik, menjaga tingkah laku serta memelihara alam sekitar ialah tindakan seorang yang mempunyai semangat patriotik.

Sumber : *Internet*

Berdasarkan petikan di atas, huraikan tindakan-tindakan seseorang yang mempunyai semangat tersebut.

Latihan 4

BAHAGIAN A

[30 markah]


Soalan ini mesti dijawab

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan kemalangan jalan raya.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **kemalangan jalan raya di Malaysia.**

Panjangnya karangan anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

Gombak – Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan kemalangan dan maut di jalan raya dalam skala besar melalui kempen keselamatan jalan raya khususnya pada musim perayaan.



Bahagian B
(70 markah)

Soalan ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan sahaja.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Kenaikan harga barang ketika ini amat membebankan pengguna. Kita memandang serius impak kenaikan harga barangan asas kebelakangan ini. Minyak masak, telur ayam serta daging ayam bersih adalah antara barangan yang mengalami kenaikan harga secara mendadak.

Sumber : <https://www.sinarharian.com.my>

Sebagai respons terhadap pernyataan di atas, jelaskan langkah-langkah untuk membendung masalah tersebut.

2

Bangunan bersejarah ialah bangunan yang telah dibina pada masa dahulu dan telah digunakan untuk tujuan tertentu. Namun begitu, bangunan bersejarah pada hari ini dibiarkan dalam keadaan usang. Sebenarnya, masyarakat dapat mempelajari sesuatu daripada sejarah sesebuah bangunan tersebut.

Sumber : *Internet*

Selain kepentingan di atas, huraikan kepentingan-kepentingan menjaga bangunan tersebut.

3

Makanan tradisional kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat kini. Menurut Pakar Makanan Warisan Negara, perkembangan dunia masa ini telah mendedahkan kita kepada antarabangsa menyebabkan masyarakat lebih gemar mencuba makanan moden yang berasal dari luar.

Sumber : *Internet*

Selain punca yang dinyatakan dalam petikan, bincangkan punca-punca yang menyebabkan generasi muda meminggirkan makanan tersebut.

4.

Negara Malaysia mempunyai banyak tokoh yang tersohor seperti Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Tun Dr. Mahathir Mohammed. Oleh sebab itu, kerajaan telah membina memorial negarawan sebagai salah satu usaha menghargai jasa mereka.

Sumber:
Internet

Huraikan usaha yang terdapat dalam petikan dan usaha-usaha lain untuk menghargai golongan tersebut.

PERIBAHASA BERDASARKAN TEMA DSKP BAHASA MELAYU KSSM**1. KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**

- Sudah terantuk baru tengadah
- Ingat sebelum kena, beringat sebelum habis
- Mencegah lebih baik daripada mengubati
- Sediakan payung sebelum hujan
- Kebersihan sebahagian daripada iman

2. KESELAMATAN

- Sudah terantuk baru tengadah
- Ingat sebelum kena, beringat sebelum habis
- Biar lambat asal selamat
- Mencegah lebih baik daripada mengubati
- Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna

3. PERPADUAN

- Bersatu teguh, bercerai roboh
- Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
- Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
- Cubit paha kanan, paha kiri terasa sakit

4. KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

- Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah
- Biar mati anak, jangan mati adat
- Tak basah deh hujan tak lekang dek panas
- Yang lama dikelek yang baharu didukung
- Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih

5. JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

- Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara
- Bersatu teguh, bercerai roboh
- Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
- Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih

6. SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

- Batu loncatan
- Berfikir di luar kotak
- Inovasi Teras Transformasi

7. ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

- Alam terbentang dijadikan guru
- Negara Besih, Rakyat Sihat
- Kebersihan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama
- Cintailah Sungai Kita
- Cintailah Alam Sekitar

8. PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

- Pertanian ialah Perniagaan
- Berbudi pada tanah
- Sekangkang kera
- Berbudi kepada tanah, tanah tidak tipu

9. EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

- Usaha Tangga Kejayaan
- Hangat-hangat tahi ayam
- Alah membeli, menang memakai
- Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
- Gengam bara api biar sampai jadi arang

10. PELANCONGAN

- Budi Bahasa Budaya Kita
- Tak kenal maka tak cinta
- Tuan rumah
- Orang luar
- Makan angin

11. SEJARAH DAN WARISAN

- Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas
- Yang lama dikelek yang baharu didukung
- Tak kenal maka tak cinta
- Jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya
- Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih

12. SUKAN DAN REKREASI

- Badan sihat minda cerdas
- Rakyat Sihat, Negara Maju
- Sukan Pemangkin Perpaduan Negara
- Sukan untuk Semua

13. PERINDUSTRIAN

- Buka pintu
- Belilah Barangan Tempatan
- Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi
- Bak cendawan tumbuh selepas hujan

14. PENDIDIKAN

- Terang hati
- Melentur buluh biarlah dari rebungnya
- Hanya jauhari mengenal manikam

15. BAHASA DAN KESUSASTERAAN

- Bahasa Jiwa Bangsa
- Hilang bahasa lenyaplah bangsa
- Bahasa menunjukkan bangsa

- Bahasa ibunda
- Bahasa pasar

16. KERJAYA

- Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
- Genggam bara api biar sampai jadi arang
- Hati hendak semua jadi
- Kolar putih

17. INTEGRITI

- Tumbuk rusuk
- Tidak memandang bulu
- Pilih kasih

18. PENTADBIRAN DAN POLITIK

- Tulang belakang
- Bunga bangsa
- Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara
- Kepimpinan Melalui Teladan

PANDUAN UMUM MENJAWAB SOALAN KERTAS 2**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

[35 markah]

SOALAN 1 - MORFOLOGI

1. Mengenal pasti jenis kata dan membina ayat.
2. Wajib senaraikan perkataan yang diuji dahulu.
3. Bina ayat sendiri : tidak boleh mengambil ayat dalam petikan atau dalam keseluruhan kertas soalan. **Jika calon meniru / menyalin sebahagian atau keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan - 0 markah.**
4. Senaraikan perkataan - 1m
5. Bina ayat - 1m
6. Tidak boleh menyatakan kata atau ayat lebih daripada arahan soalan.
7. Markah untuk soalan ini antara **6 hingga 8 markah.**
8. **Untuk menjawab soalan Morfologi, murid mesti menguasai aspek morfologi berikut;**
 - i. **STRUKTUR KATA - merangkumi KATA ASLI dan KATA PINJAMAN**
 - ii. **PEMBENTUKAN KATA - merangkumi KATA TUNGGAL, KATA TERBITAN, KATA GANDA, KATA MAJMUK dan KATA AKRONIM**
 - iii. **PENGGOLONGAN KATA - merangkumi KATA NAMA, KATA KERJA, KATA ADJEKTIF dan KATA TUGAS**
 - iv. **KATA YANG BUKAN KATA TUNGGAL – merangkumi kata yang mengalami proses PENGIMBUHAN (TERBITAN), PENGGANDAAN dan PEMAJMUKAN**
9. Soalan ini menjadi **SANGAT SENANG** jika calon mengetahui kata yang diuji, manakala menjadi **SANGAT SUSAH** apabila calon tidak mengetahui kata yang diuji.
10. Dengan kata lain, soalan ini senang untuk calon memperoleh **markah penuh** dan berkemungkinan juga calon akan **kehilangan markah sepenuhnya.**
11. Oleh itu, calon **MESTI** memahami dan menguasai **semua aspek morfologi** terutama sekali **istilah yang digunakan dalam soalan.**

12. Contoh soalan dan jawapan calon;

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata nama terbitan apitan. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata nama terbitan apitan tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Salah satu bahan utama dalam penghasilan sosej ialah daging. Selalunya, daging yang digunakan bagi pembuatan sosej merupakan bahagian yang berlemak dan kurang berkualiti. Lemak haiwan terdiri daripada lemak tepu dan mengandungi kolesterol yang tinggi serta mengundang penyakit jantung dan strok. Garam jenis natrium klorida (NaCl) turut digunakan dalam pemprosesan tersebut untuk menambahkan perisa serta bertindak sebagai bahan pengawet daging. Proses pengawetan dengan penambahan garam bertujuan untuk merencatkan aktiviti mikroorganisma yang boleh merosakkan daging tersebut.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Apa Ada dalam SOSEJ?'
oleh Ismail Fitri Mohammad Rashedi,
Dewan Masyarakat, Disember 2015

[8 markah]

CONTOH JAWAPAN

| | | |
|------|--|--------|
| i. | penghasilan √ Proses <u>penghasilan</u> makanan segera mengambil masa yang singkat dengan bantuan teknologi moden. √ | 1 1 |
| ii. | pembuatan √ Kilang <u>pembuatan</u> barangan plastik itu telah lama ditutup kerana tidak mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat. √ | 1 1 |
| iii. | pengawetan √ Proses <u>pengawetan</u> makanan dilakukan untuk melambatkan pembiakan bakteria dalam makanan agar dapat disimpan dalam jangka waktu yang lebih lama. √ | 1 1 |
| iv. | penambahan √ <u>Penambahan</u> unsur grafik pada meja ini dapat menarik perhatian pelanggan untuk membelinya. √ | 1 1 |

KESILAPAN CALON : Tidak menyenaraikan kata yang diuji, sebaliknya terus membina ayat.

1. Penghasilan jem strawberi memerlukan buah strawberi dan gula. **X**
2. Ikan yang digunakan bagi pembuatan sate ikan ialah ikan kembung. **X**
3. Pemprosesan daging itu dilakukan dalam masa yang lama. **X**
4. Tujuan proses pengawetan adalah untuk mengelakkan makanan menjadi rosak. **X**

Semua ayat di atas betul dan gramatis, tetapi calon ini mendapat markah 0 kerana tidak menyenaraikan kata nama terbitan apitan terlebih dahulu.

SOALAN 2 - SINTAKSIS

1. Antara bentuk soalan sintaksis :
 - i. menukarkan ayat aktif kepada ayat pasif
 - ii. menukarkan ayat pasif kepada ayat aktif
 - iii. menukarkan cakap ajuk kepada cakap pindah
 - iv. menukarkan cakap pindah kepada cakap ajuk
 - v. menukarkan ayat susunan biasa kepada ayat susunan songsang (SPM 2022)
 - vi. menukarkan ayat susunan songsang kepada ayat susunan biasa
 - vii. memisahkan ayat
 - viii. menyambung ayat
 - ix. menentukan pola ayat (SPM 2021)
 - x. menentukan jenis-jenis ayat
 - xi. menganalisis ayat [subjek dan predikat]
 - xii. membina ayat tanya berdasarkan frasa yang diberikan
 2. Calon MESTI menguasai semua bentuk soalan di atas.
 3. **Calon tidak boleh menyatakan jawapan lebih daripada arahan soalan.**
 4. Contoh soalan dan jawapan calon;
- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat bersusunan biasa** yang bergaris kepada **ayat bersusunan songsang** tanpa mengubah maksud asalnya.*

Rangkaian media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter sudah menjadi sebahagian daripada forum komunikasi dalam kalangan masyarakat. Sesuatu hantaran dalam rangkaian media sosial bersifat tular, kekal dan sebaran yang tidak terjangkau luasnya. Oleh itu, sebagai pekerja, mereka perlu berhati-hati ketika menulis isu berkaitan pekerjaan dalam media sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana isu tersebut boleh menjadi perbincangan undang-undang. Perkara ini boleh diambil tindakan oleh majikan sehingga pekerja boleh dipecat. Sehubungan dengan itu, semua pekerja yang menggunakan media sosial seharusnya bertanggungjawab untuk menulis isu yang positif sahaja.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Rangkaian Media Sosial: Cabaran Majikan dan Pengguna’
oleh Nazruzila Razniza Mohd Nadzri,
Dewan Masyarakat, Bil. 9/2019

[6 markah]

CONTOH JAWAPAN

| | | |
|------|---|---|
| i. | Sudah menjadi sebahagian daripada forum komunikasi dalam kalangan masyarakat, rangkaian media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter. ✓ | 2 |
| ii. | Perlu berhati-hati ketika menulis isu berkaitan pekerjaan dalam media sosial mereka. ✓ | 2 |
| iii. | Seharusnya bertanggungjawab untuk menulis isu yang positif sahaja semua pekerja yang menggunakan media sosial. ✓ | 2 |

KESILAPAN CALON : Jawapan tidak lengkap. Calon tertinggal satu atau beberapa perkataan dalam soalan.

| | | |
|------|---|---|
| i. | Menjadi sebahagian daripada forum komunikasi dalam kalangan masyarakat, rangkaian media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter. X – <i>Calon tertinggal perkataan <u>sudah</u>.</i> | 0 |
| ii. | Berhati-hati ketika menulis isu berkaitan pekerjaan dalam media sosial mereka. X – <i>Calon tertinggal perkataan <u>perlu</u>.</i> | 0 |
| iii. | Seharusnya bertanggungjawab menulis isu yang positif semua pekerja yang menggunakan media sosial. X – <i>Calon tertinggal perkataan <u>untuk</u> dan <u>sahaja</u>.</i> | 0 |

SOALAN 3 - PENYUNTINGAN

1. Soalan penyuntingan berdasarkan teks tunggal, teks bersambung atau teks pelbagai (petikan, dialog, iklan, kad ucapan dll)
2. Jumlah kesalahan bahasa bergantung pada jumlah markah dalam soalan.
3. Jenis kesalahan yang diuji : **EJAAN, IMBUHAN, TATABAHASA dan ISTILAH.**
4. **Wajib menyenaraikan kesalahan, kemudian diikuti dengan jawapan pembedulan.**
5. Contoh soalan dan jawapan calon;

- 3 Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1



PENGAMBILAN CEPAT

JAWATAN KOSONG

**PEKERJA SAMBILAN HARI
GRED 29
GAJI (RM72 SEHARI)**

Di Bahagian Pembangunan Industri

Syarat Kelayakan:

1. Warga negara Malaysia berumur 21 - 31 tahun
2. Mempunyai ijazah atau diploma dan berpengalaman dalam bidang berkaitan reka bentuk grafik
3. Mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik, berdisplin dan bertanggungjawab dalam tugas yang diberikan
4. Mahir menggunakan perisian Adobe Illustrator, Adobe Photoshop dan Adobe After Effect
5. Berkebolehan dalam menghasilkan grafik dan meyunting video
6. Boleh bekerja lebih masa pada hujung minggu serta cuti umum

Emelkan resume ke :
abcdef@mnopq.gov.my

Sebelum atau pada 29 April 2021 (Khamis), 3.00 petang



| |
|----------------|
| Bahan 2 |
|----------------|

Kerjaya sebagai juruterbang sememangnya diminati ramai walaupun berisiko tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat banyak kepentingan menjadi juruterbang. Antaranya gaji dan elaun yang juruterbang terima adalah tinggi setimpal dengan tanggungjawab yang diamanahkan. Juruterbang juga berpeluang untuk melihat keunikan dan keindahan mukabumi serta dapat pergi ke berbagai negara lain. Di samping itu, mereka dapat menambah kenalan berlainan bangsa.

Kerjaya ini juga menuntut komitmen yang tinggi kerana juruterbang terpaksa bekerja di luar stesyen dalam tempoh masa yang lama. Mereka boleh dipanggil untuk berkhidmat serta bertugas pada bila-bila masa. Selain itu, seorang juruterbang perlu berhadapan dalam keadaan cuaca yang tidak tertentu yang boleh mengancam keselamatan nyawa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Juruterbang Nakhoda di Awan'
oleh Siti Hajar Ramlee,
Dewan Siswa, Bil. 09/2021

[6 markah]

CONTOH JAWAPAN

Bahan I

| | | | | |
|------|--------------|---|---------------|---|
| i. | hari | - | harian ✓ | 1 |
| ii. | warga negara | - | warganegara ✓ | 1 |
| iii. | berdisiplin | - | berdisiplin ✓ | 1 |
| iv. | meyunting | - | menyunting ✓ | 1 |
| v. | emelkan | - | e-melkan ✓ | 1 |

Bahan 2

| | | | | |
|------|--------------------|---|-----------------------------|---|
| i. | kepentingan | - | kelebihan ✓ | 1 |
| ii. | juruterbang terima | - | diterima oleh juruterbang ✓ | 1 |
| iii. | mukabumi | - | muka bumi ✓ | 1 |
| iv. | berbagai | - | berbagai-bagai ✓ | 1 |
| v. | dalam | - | dengan ✓ | 1 |
| vi. | tertentu | - | menentu ✓ | 1 |

1. **KESILAPAN CALON** : Tidak menyenaraikan kesalahan sebaliknya terus menulis jawapan yang betul.

Bahan I

| | | | | |
|------|---------------|--|--|---|
| i. | harian X | | | 0 |
| ii. | warganegara X | | | 0 |
| iii. | berdisiplin X | | | 0 |
| iv. | menyunting X | | | 0 |
| v. | e-melkan X | | | 0 |

Semua jawapan yang diberikan calon ini betul, tetapi diberikan 0 markah kerana kesilapan tidak menyenaraikan kesalahan.

2. KESILAPAN CALON : Mencampuradukkan jawapan Bahan 1 dengan Bahan 2.

| | | | | |
|-------|--------------------|---|---------------------------|---|
| i. | hari | - | harian ✓ | 1 |
| ii. | kepentingan | - | kelebihan X | 0 |
| iii. | berdisiplin | - | berdisiplin ✓ | 1 |
| iv. | warga negara | - | warganegara X | 0 |
| v. | emelkan | - | e-melkan ✓ | 1 |
| vi. | meyunting | - | menyunting X | 0 |
| vii. | juruterbang terima | - | diterima oleh juruterbang | 1 |
| viii. | mukabumi | - | muka bumi ✓ | 1 |
| ix. | berbagai | - | berbagai-bagai ✓ | 1 |
| x. | dalam | - | dengan ✓ | 1 |
| xi. | tertentu | - | menentu ✓ | 1 |

Jika calon menjawab seperti ini, pemeriksa akan menganggap jawapan i hingga v ialah jawapan Bahan 1, manakala jawapan vi hingga xi ialah jawapan Bahan 2.

3. KESILAPAN CALON : Jawapan tidak lengkap.

| | | | | |
|-----|-------------|---|----------|---|
| i. | terima | - | diterima | 0 |
| ii. | murid-murid | - | murid | 0 |

Sepatutnya ;

| | | | | |
|-----|--------------------|---|---------------------------|---|
| i. | juruterbang terima | - | diterima oleh juruterbang | 1 |
| ii. | semua murid-murid | - | semua murid | 1 |

SOALAN 4 - BAHASA MELAYU STANDARD

1. Menukarkan petikan teks bahasa Melayu klasik kepada teks bahasa Melayu moden.
2. Petikan bahan untuk soalan menukar bahasa Melayu Klasik kepada bahasa Melayu Standard diambil daripada prosa tradisional 'Kepimpinan Melalui Teladan' dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul atau 'Burung Terbang Dipipiskan Lada' dalam antologi Sejadah Rindu.
3. **Mengekalkan maksud dan bentuk asal petikan.**
4. **Mengekalkan bahasa istana** yang dikhususkan untuk panggilan tertentu (kata ganti nama)
5. Markah untuk soalan ini antara **4 hingga 6 markah.**

6. Panduan Pemarkahan Bagi Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

| Deskripsi | Markah | | |
|--|--------|---|---|
| | 6 | 5 | 4 |
| - Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis | 5-6 | 5 | 4 |
| - Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis | 4 | 4 | 3 |
| - Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis | 3 | 3 | 2 |
| - Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis | 3 | 3 | 2 |
| - Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis | 2 | 2 | 1 |
| - Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis | 1 | 1 | 1 |
| - Ayat disalin bulat-bulat | 0 | 0 | 0 |
| - Isi tidak mengikut urutan | 0 | 0 | 0 |

6. Contoh soalan dan jawapan calon;

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah maksud dan bentuk asalnya.*

Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluh-puluh juta dan orang banyak dicurinya. Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?”

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia.

[4 markah]

CONTOH JAWAPAN

Kertala Sari baru pulang dari Daha, dia memperoleh banyak harta berupa emas, perak, pakaian dan wang berpuluh-puluh juta yang dicuri daripada orang ramai. Setelah Kertala Sari tiba di rumahnya, lalu dia bertanya kepada ibunya, “Wahai ibuku! Ke manakah bapaku pergi kerana aku tidak melihatnya?” ✓ **4m**

Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis

1. KESILAPAN CALON : Menyalin bulat-bulat petikan asal.

Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluh-puluh juta dan orang banyak dicurinya. Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?” X **0m**

Calon menyalin bulat-bulat petikan asal.

2. KESILAPAN CALON : Mengubah struktur asal petikan sehingga isi tidak mengikut urutan dan menjawab berdasarkan pemahaman sendiri.

Kertala Sari mencuri banyak harta selepas pulang dari Daha. Harta itu orang banyak dicurinya. Harta-harta yang dicuri seperti emas dan perak dan pakaian dan wang berpuluh-puluh juta. Kertala Sari bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?” X **0m**

Isi tidak mengikut urutan dan ayat kurang gramatis

SOALAN 5 - PERIBAHASA

1. Aspek yang diuji:
 - ✓ Simpulan bahasa
 - ✓ Perumpamaan
 - ✓ Pepatah
 - ✓ Bidalan
 - ✓ Perbilangan
 - ✓ Kata-kata hikmat

2. Bentuk soalan peribahasa :
 - ✓ Menyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan petikan atau ayat yang diberi.
 - ✓ Menyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan maksud peribahasa yang diberi.
 - ✓ Mengisi tempat kosong dengan peribahasa yang tepat.
 - ✓ Menyatakan maksud peribahasa.
 - ✓ Menyatakan peribahasa yang sama maksud.
3. Markah untuk soalan ini antara **4 hingga 6 markah**.
4. Contoh soalan dan jawapan calon;

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan **senaraikan** peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian, berikan peribahasa lain yang **sama maksud** atau **hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.*

Ketua kampung itu menasihati para penduduk kampung agar hidup bagai aur dengan tebing jika mahu tinggal dalam suasana tenang dan harmoni. Beliau percaya bahawa prinsip usaha tangga kejayaan sangat penting dalam memajukan kampung mereka. Seterusnya, beliau turut menyeru agar semua penduduk kampung menjaga kerukunan hidup bermasyarakat. Oleh itu, mereka perlu menjaga tutur kata kerana terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya.

[6 markah]

CONTOH JAWAPAN

| | |
|--|---|
| i. bagai aur dengan tebing ✓ | 1 |
| berat sama dipikul, ringan sama dijinjing ✓ | 1 |
| ii. usaha tangga kejayaan ✓ | 1 |
| hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih ✓ | 1 |
| iii. terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya ✓ | 1 |
| kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa ✓ | 1 |

1. **KESILAPAN CALON** : Tidak memahami kehendak soalan dengan teliti. Terdapat calon yang menjawab soalan tidak seperti kehendak soalan. Misalnya, tidak menyenaraikan peribahasa yang terdapat dalam petikan, sebaliknya terus memberi jawapan.

| | |
|--|---|
| ii. berat sama dipikul , ringan sama dijinjing X | 0 |
| iii. hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih X | 0 |
| iv. kerana pulut santan binasa kerana mulut badan binasa X | 0 |

2. **KESILAPAN CALON** : Menyatakan jawapan peribahasa yang tidak lengkap atau salah.

| | |
|--|--------|
| i. bagai aur dengan tebing ✓ berat sama dipikul, ringan sama dijunjung X – <i>calon tertukar perkataan dijunjung dengan dijinjing</i> | 1 0 |
| ii. usaha tangga kejayaan ✓ hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih ✓ | 1 1 |
| iii. terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya ✓ kerana pulut santan binasa X – <i>peribahasa tidak lengkap</i> | 1 0 |

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

SOALAN 6 DAN 7 – PEMAHAMAN PETIKAN UMUM & PEMAHAMAN PETIKAN SASTERA

1. Bagi menjawab Soalan 6 – Petikan Umum dan Soalan 7 – Petikan Sastera, calon dinasihatkan membaca dahulu soalan (i) dan soalan (ii) untuk memudahkan murid mencari jawapan semasa membaca petikan.
2. Semua jawapan mesti ditulis dalam ayat yang lengkap.
3. Cadangan jumlah isi mengikut peruntukan markah. Misalnya;

| | | |
|-----------------|---|---------------------|
| 3 markah | - | 2 atau 3 isi |
| 4 markah | - | 3 atau 4 isi |
4. Murid **MESTI** melihat jumlah peruntukan markah bagi setiap soalan sebelum mengemukakan jawapan kerana jumlah peruntukan markah bagi setiap soalan boleh berubah-ubah mengikut tahun.
5. Bentuk soalan pemahaman petikan umum dan petikan sastera:
 - ✓ **Soalan (i) – maksud rangkai kata** – murid dikehendaki menukar rangkai kata berkenaan dengan rangkai kata lain yang sama maksud berdasarkan maksud dalam petikan. Murid juga boleh menukarkan satu perkataan atau sebahagian frasa sahaja sekiranya tidak memahami maksud keseluruhan rangkai kata / frasa.
****** Soalan (i) juga boleh dibuat dalam bentuk pemindahan maklumat******
 - ✓ **Soalan (ii) – pemindahan maklumat** – murid mesti memahami kehendak soalan dan menjawab mengikut kehendak soalan. **ISI MESTI menyentuh** semua bahan. Calon dinasihatkan **memindahkan maklumat yang ada dalam petikan tanpa mengubah ayat tersebut dan menyalin semua isi dengan lengkap.**
 - ✓ **Soalan (iii) – KBAT** - Murid mesti membaca dan memahami soalan dengan teliti agar dapat mengemukakan jawapan dengan **TEPAT**. Gunakan penanda wacana untuk menghubungkan isi.
 - ✓ **Soalan (iv) – penyelesaian masalah** - murid mesti memahami situasi dan masalah yang dikemukakan sebelum mengemukakan langkah-langkah penyelesaian masalah tersebut sebagai jawapan.
6. Markah untuk soalan 6 dan 7 ialah **25 markah**.

7. Contoh soalan dan jawapan calon;
- 6 *Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Penggunaan teknologi dron dalam sektor pertanian semakin mendapat tempat dalam kalangan petani moden bersesuaian dengan galakan mengaplikasi teknologi dron dalam kaedah pertanian. Namun begitu, bagaimanakah dron mampu membantu sektor pertanian? Sebelum musim penanaman bermula, dron membantu petani untuk membuat pemetaan keadaan ladang dalam bentuk tiga dimensi (3D). Hal tersebut dapat membantu petani untuk menentukan pola maksimum penanaman benih dan pengiraan tanaman. Maklumat pemetaan ini juga sangat berguna untuk menentukan sama ada benih perlu disemai semula atau tidak. Selain itu, penggunaan dron mampu mengurangkan risiko petani terdedah kepada racun perosak dan baja berbahaya melalui kaedah penyemburan racun. Kaedah ini digunakan dalam penanaman padi khususnya di Kedah.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Dron Merevolusikan Pertanian'
oleh Nurafifah Mohammad Suhaimi,
<https://www.bharian.com.my>, 10 Februari 2020

Bahan 2

KUALA LUMPUR - Hasrat pihak kerajaan sekarang adalah untuk melahirkan para petani moden yang tidak lagi menggunakan cangkul, kerbau dan *amalan tradisional* yang lain, sebaliknya negara kita ingin melahirkan golongan petani moden yang lebih efisien. Petani moden ialah petani yang menggunakan teknologi terkini seperti dron. Penggunaan dron dapat mengurangkan tenaga kerja manusia. Misalnya, dron menggantikan tenaga manusia untuk menyiram tanaman, menabur anak benih, menyembur racun serangga dan mengukur kapasiti kawasan.

Penggunaan teknologi dron boleh menarik minat generasi muda untuk menceburi bidang pertanian. Mungkin sebelum ini mereka kurang memilih bidang tersebut sebagai kerjaya kerana dipandang rendah oleh segelintir masyarakat. Oleh itu, inovasi dan penggunaan teknologi baharu dalam bidang pertanian perlu diperluas.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Revolusi Pertanian melalui Teknologi Dron'
oleh Sharfarizmal Md Saad,
<https://www.sinarharian.com.my>, 7 Disember 2020

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *amalan tradisional*. [2 markah]

(ii) Berdasarkan **Bahan 1 dan Bahan 2**, nyatakan kebaikan-kebaikan dron dalam bidang pertanian. [3 markah]

(iii) Mungkin sebelum ini mereka kurang memilih bidang pertanian sebagai kerjaya kerana dipandang rendah oleh segelintir masyarakat.

Pada pendapat anda, selain dipandang rendah oleh segelintir masyarakat, apakah punca-punca golongan muda tidak meminati bidang pertanian? [4 markah]

(iv) Hanafi merupakan seorang graduan yang baru menceburi bidang pertanian. Dengan penggunaan teknologi, beliau telah memperoleh hasil yang banyak, namun menghadapi masalah untuk memasarkannya.

Jika anda ialah Hanafi, apakah tindakan-tindakan yang perlu anda ambil untuk mengatasi masalah tersebut? [4 markah]

Soalan 6 : Petikan Umum - Contoh Jawapan

| | | |
|------|--|---|
| i. | Berdasarkan Bahan 2, maksud rangkai kata amalan tradisional ialah budaya lama. ✓ | 2 |
| ii. | Berdasarkan Bahan 1, kebaikan dron dalam bidang pertanian ialah dron membantu petani untuk membuat pemetaan keadaan ladang dalam bentuk tiga dimensi (3D). ✓ (Bahan 1) Berdasarkan Bahan 2, kebaikan dron dalam bidang pertanian ialah dron dapat mengurangkan tenaga kerja manusia. ✓(Bahan 2) (IC+AG+SB) | 3 |
| iii. | Pada pendapat saya, selain dipandang rendah oleh segelintir masyarakat, punca golongan muda tidak meminati bidang pertanian kerana mereka lebih memilih kerjaya yang mempunyai persekitaran yang selesa seperti bekerja di pejabat.✓ Selain itu, punca golongan muda tidak meminati bidang pertanian kerana mereka kurang pendedahan terhadap bidang ini.✓ Seterusnya, punca golongan tidak meminati bidang pertanian ialah mereka menganggap gaji yang diperoleh tidak begitu lumayan.✓ (IC+AG) | 4 |
| iv. | Jika saya Hanafi, tindakan yang perlu saya ambil untuk mengatasi masalah tersebut adalah dengan menggunakan media sosial seperti Tik Tok dan Instagram untuk memasarkannya.✓Selain itu, saya akan meningkatkan kualiti produk hasil pertanian tersebut.✓ Seterusnya, saya akan merujuk seseorang yang berpengalaman dalam bidang pemasaran untuk mempelajarinya. ✓ (IC+AG) | 4 |

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

| |
|----------------|
| Bahan 1 |
|----------------|

TUK WALI: Pokok yang tengah berbunga atau berbuah, jangan ditebang. Pokok yang lebih kecil daripada jari hantu, jangan disentuh. Kalau hati belum pasti, jangan cantas. Kalau belum mengenal, berkenal dulu.

RIPIN: Mereka mencantas, menebang tu pun kerana nak mengenallah, wak!

TUK WALI: Belajarlah mengenal pada ibu, bukan cabut anak. (Kesal) Yang langgar pantang, anak cucu aku jugak. Cakap aku ni tak dihargai langsung. (Marah) Si Berahim anak tiri aku tu! Dia murid Si Guan, Guan kedai singse tu! Tunjuk mana pasak bumi, tongkat ali, dikenalkannya rancang besi, rancang tembaga, yang mana raja berangkat, apa khasiat lukai jantan, apa gunanya tengkuk biawak!

RIPIN: Masya-Allah! Semuanya diajar, wak?

TUK WALI: Semuanya, Ripin! Kau tahu apa dah jadi? Berahim masuk hutan bekal tali sigai dengan kayu umpil, tapi Si Guan masuk hutan dengan traktor, bawa buruh lagi dua tiga orang. Pokok besar betis ni, besar tiang rumah tu, habis dicabut. Bila cabut induk, mana nak datang benih?

Dipetik daripada drama 'Gelanggang Tuk Wali'
oleh Ismail Kassan
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2

Gurindam Pelihara Alam

Kalau hendak membuang sampah,
Jangan dibiarkan bersepah-sepah.

Kalau selalu menjulang api,
Kelak binasa hutan sepi.

Kalau hendak meneroka rimba,
Jangan dikaut khazanah murba.

Kalau selalu menjerat haiwan,
Kelak alam menjadi lawan.

Kalau hendak membuat batas,
Jangan sampai pokok dicantas.

Kalau selalu menyembur racun,
Kelak binasa tanah kebun.

Kalau hendak memancing ikan,
Jangan diracun satu lautan.

Kalau mahu mendirikan bangunan,
Jangan ditarah bukit sekawanan.

Kalau selalu mencemar bumi,
Kelak penyakit sukar dibasmi.

Kalau alam tidak dijaga,
Kelak pupuslah warisan pujangga.

Kalau sayang akan bumi bertuah,
Peliharalah akhlak dan juga maruah.

Kalau kita bangsa merdeka,
Pastikan alam tiada celaka.

Has Alia Hasnan

Manong, Perak.

Dewan Siswa, Januari 2016

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan perkara-perkara yang dilarang oleh Tuk Wali. [2 markah]

(ii) Berdasarkan **setiap bahan**, nyatakan tindakan-tindakan yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar. [3 markah]

(iii) Alam sekitar merupakan anugerah Tuhan yang amat berharga kepada kehidupan manusia. Namun begitu, segelintir masyarakat masih melakukan aktiviti yang boleh memusnahkan alam sekitar.

Pada pendapat anda, apakah halangan-halangan untuk menjamin kelestarian atau mengekalkan keaslian alam sekitar? [3 markah]

(iv) Satu kebakaran hutan telah berlaku berhampiran dengan tempat tinggal anda. Kebakaran ini boleh menyebabkan berlakunya pencemaran udara dan kemusnahan flora dan fauna.

Sebagai penduduk yang bertanggungjawab, nyatakan cadangan-cadangan segera yang perlu anda lakukan agar kebakaran ini tidak terus merebak. [4 markah]

Soalan 7 : Petikan Sastera - Contoh Jawapan

| | | |
|------|---|---|
| i. | Berdasarkan Bahan 1, perkara-perkara yang dilarang oleh Tuk Wali ialah pokok yang tengah berbunga atau berbuah, jangan ditebang.✓ Selain itu, pokok yang lebih kecil daripada jari hantu, jangan disentuh.✓ (IC+AG) | 2 |
| ii. | Berdasarkan Bahan 1, tindakan-tindakan yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar ialah pokok sebesar betis dan sebesar tiang rumah habis dicabut.✓(Bahan 1). Berdasarkan Bahan 2, tindakan-tindakan yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar ialah selalu menyembur racun ✓(Bahan 2) (IC+AG+SB) | 3 |
| iii. | Pada pendapat saya, halangan-halangan untuk menjamin kelestarian alam atau mengekalkan keaslian alam sekitar kerana kurangnya pendedahan tentang kepentingan alam sekitar.✓ Selain itu, penguatkuasaan undang-undang yang lemah juga merupakan halangan kepada perkara ini.✓ (IC+AG) | 3 |
| iv. | Sebagai penduduk yang bertanggungjawab, cadangan segera yang perlu saya lakukan ialah saya akan membuat panggilan kecemasan ke balai bomba berdekatan.✓ Selain itu, saya akan memberitahu penduduk kampung tentang kejadian tersebut. ✓ Seterusnya, saya akan cuba memadamkan api ketika api masih kecil. ✓ (IC+AG) | 4 |

KESILAPAN CALON KETIKA MENJAWAB SOALAN 6 DAN 7

1. Ketika menjawab **soalan memberi maksud rangkai kata** – Calon menukarkan kedua-dua perkataan diuji, namun salah satunya salah. **Jawapan calon akan diberikan 0 markah.**
Contoh :
Berdasarkan Bahan 2, maksud rangkai kata amalan tradisional ialah tindakan lama. X 0m
2. Ketika menjawab **soalan pemindahan maklumat Soalan (i)** – Calon hanya mengemukakan **SATU isi sahaja**. Soalan ini memerlukan calon mengemukakan **DUA isi** kerana markahnya sebanyak 2 markah.
Contoh :
Berdasarkan Bahan 1, perkara-perkara yang dilarang oleh Tuk Wali ialah pokok yang tengah berbunga atau berbuah, jangan ditebang. ✓ – Calon akan memperoleh 1 markah sahaja
3. Ketika menjawab **soalan pemindahan maklumat Soalan (ii)** – **Jawapan calon tidak lengkap** kerana calon hanya mengambil sebahagian sahaja jawapan dalam petikan.
Contoh :
Berdasarkan Bahan 1, kebaikan dron dalam bidang pertanian ialah dron membantu petani untuk membuat pemetaan keadaan ladang. X
Berdasarkan Bahan 2, kebaikan dron dalam bidang pertanian ialah dron dapat mengurangkan tenaga kerja. X
4. Ketika menjawab **soalan pemindahan maklumat Soalan (ii)**– Jawapan calon tidak mengandungi semua bahan yang diuji.
Contoh :
Berdasarkan Bahan 1, tindakan tindakan yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar ialah pokok sebesar betis dan sebesar tiang rumah habis dicabut. ✓ Selain itu, tindakan mencantas pokok dan menebang pokok. – Semua jawapan yang diberi daripada Bahan 1 – Calon akan memperoleh 2 markah sahaja walaupun calon ini telah mengemukakan 2 isi.
5. Ketika menjawab **soalan KBAT Soalan (iii)** – Jumlah isi yang dikemukakan calon tidak mencukupi.
 - Jika markah diperuntukkan sebanyak **3 markah, 2 isi yang tepat diperlukan.**
 - Jika markah diperuntukkan sebanyak **4 markah, 3 isi yang tepat diperlukan.**
 - Calon **digalakkan mengemukakan isi yang lebih** untuk menjawab soalan ini.
 Contoh :
Pada pendapat saya, selain dipandang rendah oleh segelintir masyarakat, punca golongan muda tidak meminati bidang pertanian kerana mereka lebih memilih kerjaya yang mempunyai persekitaran yang selesa seperti bekerja di pejabat. ✓ Selain itu, punca golongan muda tidak meminati bidang pertanian kerana mereka kurang pendedahan terhadap bidang ini. ✓ - Calon hanya mengemukakan 2 isi sahaja sedangkan markah yang diperuntukkan sebanyak 4 markah. Calon ini hanya memperoleh 3 markah sahaja.
6. Ketika menjawab **soalan KBAT Soalan (iii)** – Calon tidak memahami kehendak soalan.
Contoh :
Pada pendapat saya, halangan-halangan untuk menjamin kelestarian alam atau mengekalkan keaslian alam sekitar ialah kerajaan perlu mengadakan kempen penjagaan alam sekitar. X Selain itu, program tanam semula pokok perlu dilakukan apabila proses pembangunan

dilakukan. X Seterusnya, kerajaan perlu menguatkuasakan peraturan penjagaan alam sekitar. X - Calon tidak memahami maksud halangan-halangan. Calon ini mengemukakan usaha atau langkah menjamin kelestarian alam. Calon memperoleh 0 markah.

7. Ketika menjawab **soalan PENYELESAIAN MASALAH Soalan (iv)** – Jumlah isi yang dikemukakan calon tidak mencukupi.
- Soalan ini **memperuntukkan sebanyak 4 markah**, dan **3 isi yang tepat diperlukan**.
 - Calon digalakkan mengemukakan isi yang lebih untuk menjawab soalan ini.

Contoh :

Sebagai penduduk yang bertanggungjawab, cadangan segera yang perlu saya lakukan ialah saya akan membuat panggilan kecemasan ke balai bomba berdekatan. ✓ Selain itu, saya akan memberitahu penduduk kampung tentang kejadian tersebut. ✓ - Calon hanya mengemukakan 2 isi sahaja sedangkan markah yang diperuntukkan sebanyak 4 markah. Calon ini hanya memperoleh 3 markah sahaja.

8. Ketika menjawab **soalan PENYELESAIAN MASALAH Soalan (iv)** – Calon mengemukakan satu atau dua isi dengan disertakan huraian yang panjang.

Contoh :

Sebagai penduduk yang bertanggungjawab, cadangan segera yang perlu saya lakukan ialah saya akan membuat panggilan kecemasan ke balai bomba berdekatan. ✓ Apabila pasukan bomba datang mereka akan berusaha memadamkan kebakaran tersebut dengan segera. Selain itu, pihak bomba juga mempunyai kelengkapan yang cukup untuk memadamkan api. Mereka juga mempunyai kepakaran. Seterusnya, saya akan memberitahu penduduk kampung tentang kejadian tersebut ✓ agar mereka semua dapat keluar dari rumah dan berkumpul di tempat yang selamat. Saya akan membantu mereka membawa barang-barang yang diperlukan. ✓ - Calon hanya mengemukakan 2 isi sahaja dengan tepat walaupun jawapan calon ini panjang. Calon ini hanya memperoleh 3 markah sahaja.

SOALAN 8 - NOVEL

- a) Soalan dikemukakan berdasarkan novel yang dipelajari ketika Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- b) Peruntukan markah – **10 markah**
- c) Dibahagikan kepada **dua** bahagian soalan yang wajib dijawab, iaitu:
 - (i) **Soalan 8(i) – Soalan pemahaman** (Pemindahan Maklumat) **satu** petikan daripada salah satu novel Tingkatan 4 atau Tingkatan 5 (Berdasarkan 8 buah novel).
 - (ii) **Soalan 8(ii) – Soalan KBAT** berdasarkan **sebuah** atau **dua buah** novel yang dipelajari. **Soalan KBAT novel tidak melibatkan unsur sastera.**

PANDUAN MENJAWAB SOALAN 8(i)

1. Calon dinasihatkan membaca dahulu soalan untuk memudahkan murid mencari jawapan semasa membaca petikan.
2. Lihat jumlah markah yang diperuntukkan.
3. Markah untuk soalan ini antara **3 hingga 4 markah**.
4. Jumlah isi bergantung pada jumlah peruntukan markah tersebut. Jika **3 markah**, calon sepatutnya mengemukakan **tiga isi**. Jika **4 markah**, calon sepatutnya mengemukakan **empat isi**.
5. Tulis jawapan menggunakan **ayat yang lengkap dan gramatis**.
6. Calon dinasihatkan **memindahkan maklumat yang ada dalam petikan tanpa mengubah ayat tersebut dan menyalin semua isi dengan lengkap**.
7. Contoh soalan dan jawapan calon;

8 *Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

“Kita akan berbincang di rumah Karl, seorang penyelidik Soft Lab yang sangat banyak berjasa,” tambah Aqram apabila melihat air muka Farisha seperti sedikit ragu.

“Saya pernah dengar tentang Karl. Dia pernah memenangi anugerah inovasi peringkat kebangsaan tak lama dulu,” kata Rosman. Sebenarnya dia pernah menulis satu rencana tentang Karl ketika di kolej. Tetapi itu sudah lama berlalu.

Sejak memenangi anugerah tersebut, Karl terus menyepi daripada pihak media. Tiada temu ramah, tidak juga diundang untuk acara-acara berkaitan sains, teknologi dan inovasi. Karl menyepi tanpa sebarang alasan. Hasil kerjanya yang terbaharu juga tiada sesiapa yang tahu.

“Baguslah kalau awak tahu serba sedikit tentang dia. Karl ialah seorang penyelidik dan pencipta. Dia ialah aset Soft Lab yang paling berharga,” kata Aqram. Sebenarnya banyak lagi yang ingin diperkatakan tentang Karl, tetapi biarlah dia simpan dahulu. Dia berharap Farisha dan Rosman akan faham apabila mereka tiba di rumah Karl kelak.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara*
oleh Dayang Noor,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan kelebihan-kelebihan yang ada pada Karl.

[4 markah]

CONTOH JAWAPAN

| |
|---|
| Kelebihan-kelebihan yang ada pada Karl ialah Karl seorang penyelidik Soft Lab yang sangat banyak berjasa✓ dan beliau pernah memenangi anugerah inovasi peringkat kebangsaan. ✓Selain itu, Karl seorang penyelidik dan pencipta. ✓ |
|---|

| |
|--------------------------|
| (IC+AG)- 4 MARKAH |
|--------------------------|

KESILAPAN CALON KETIKA MENJAWAB SOALAN 8(i)

1. Calon mengemukakan **isi yang tidak cukup**. Soalan ini memerlukan calon mengemukakan **TIGA** isi kerana markahnya sebanyak **4 markah**.

Contoh :

Kelebihan-kelebihan yang ada pada Karl ialah seorang penyelidik Soft Lab yang sangat banyak berjasa✓ dan pernah memenangi anugerah inovasi peringkat kebangsaan ✓ – Calon hanya mengemukakan 2 isi sahaja. Calon akan memperoleh 3 markah sahaja.

2. Ketika menjawab **soalan pemindahan maklumat Soalan (ii) – Jawapan calon tidak lengkap** kerana calon hanya mengambil sebahagian sahaja jawapan dalam petikan.

Contoh :

Kelebihan-kelebihan yang ada pada Karl ialah seorang penyelidik Soft Lab X dan pernah memenangi anugerah inovasi.X Selain itu, Karl seorang penyelidik dan pencipta ✓ - Isi pertama dan kedua tidak lengkap. Isi ketiga sahaja yang betul. Calon ini memperoleh 2 markah sahaja.

PANDUAN MENJAWAB SOALAN 8(ii)

1. Baca arahan soalan dan tugas soalan dengan teliti.
2. Jawapan boleh berdasarkan **satu atau dua buah novel** yang dipelajari.
3. Lihat jumlah markah yang diperuntukkan. Jumlah isi bergantung kepada jumlah peruntukan markah.
4. Markah untuk soalan ini antara **6 hingga 7 markah**.
5. Bentuk soalan terbahagi kepada 2 iaitu :-
 - i) Soalan berbentuk peristiwa
 - ii) Soalan berbentuk pernyataan
6. Setiap jawapan yang diberi mesti mempunyai **2 perkara** bagi mendapatkan markah penuh
 - i) Soalan berbentuk peristiwa (nyatakan **peristiwa + alasan / ulasan / huraian**)
 - ii) Soalan berbentuk pernyataan (nyatakan pernyataan - (**JANGAN masukkan nama watak / tempat dalam pernyataan**) + **BUKTI / CONTOH / PERISTIWA**)
7. **Tulis jawapan dalam perenggan** dan menggunakan ayat yang lengkap serta gramatis.
8. Calon **DIGALAKKAN** untuk menyatakan isi lebih daripada **DUA** isi.

9. Contoh soalan dan jawapan calon;

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e) Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani, karya Beb Sabariah
- g) Bimasakti Menari, karya Sri Rohayu Mohd Yusop
- h) Silir Daksina, karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang dapat diteladani bagi setiap novel.

[6 markah]

CONTOH JAWAPAN

Berdasarkan novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin, peristiwa yang dapat kita teladani dalam novel ini ialah peristiwa Doktor Raiha belajar bersungguh-sungguh untuk menjadi seorang doktor bedah walaupun dihalang oleh ayahnya kerana ayahnya menyatakan bahawa kerjaya sebagai seorang doktor bedah tidak sesuai untuk kaum wanita. ✓(P1) Peristiwa ini dapat diteladani kerana kita hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita yang kita inginkan. ✓(H1)

Berdasarkan novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusop, peristiwa yang dapat diteladani ialah peristiwa Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa berusaha dengan gigih untuk menjayakan Projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor untuk mengembalikan kegelapan malam ke Kuala Selangor walaupun mendapat tentangan daripada Dato' Johann Artington - Majid kerana menjejaskan syarikatnya yang merupakan pembekal lampu-lampu jalan di Kuala Selangor. ✓(P1) Peristiwa ini dapat diteladani kerana kegigihan aktivis menangani kes pencemaran cahaya walaupun menghadapi tentangan keras daripada pihak-pihak tertentu. ✓(H1)

I - 4

B - 2

J - 6

KESILAPAN CALON KETIKA MENJAWAB SOALAN 8(ii)

1. Calon hanya **mengemukakan peristiwa ATAU alasan sahaja**. Jika calon mengemukakan peristiwa sahaja dan peristiwa itu betul, calon akan diberikan 1 markah.
2. Jika calon mengemukakan alasan sahaja dan alasan itu betul, jawapan calon dianggap salah juga kerana tidak disertakan peristiwa.

Contoh 1 : Calon hanya mengemukakan PERISTIWA sahaja

Berdasarkan novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin, peristiwa yang dapat kita teladani dalam novel ini ialah peristiwa Doktor Raiha belajar bersungguh-sungguh untuk menjadi seorang doktor bedah walaupun dihalang oleh ayahnya kerana ayahnya menyatakan bahawa kerjaya sebagai seorang doktor bedah tidak sesuai untuk kaum wanita. ✓(P1)

Berdasarkan novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusop, peristiwa yang dapat diteladani ialah peristiwa Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa berusaha dengan gigih untuk menjayakan Projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor untuk mengembalikan kegelapan malam ke Kuala Selangor walaupun mendapat tentangan daripada Dato' Johann Artington - Majid kerana menjejaskan syarikatnya yang merupakan pembekal lampu-lampu jalan di Kuala Selangor. ✓(P1)

I - 2

B - 2

J - 4

Contoh 2 : Calon hanya mengemukakan ALASAN sahaja

Berdasarkan novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin, peristiwa yang dapat kita teladani dalam novel ini ialah kita hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita yang kita inginkan tanpa mempedulikan pandangan negatif orang lain. X

Berdasarkan novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusop, peristiwa yang dapat diteladani ialah kegigihan aktivis menangani kes pencemaran cahaya walaupun menghadapi tentangan keras daripada pihak-pihak tertentu. X

I - 0

B - 1

J - 1

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

SOALAN 9 – RUMUSAN

1. Bahan rumusan terdiri daripada sekurang-kurangnya **dua bahan** daripada sumber yang berbeza seperti petikan prosa, puisi dan grafik. Semua bahan tersebut mempunyai tema yang sama.
2. Bahan petikan **kebiasaannya** mempunyai **tidak kurang daripada DUA fokus**.
3. **Tugasan tidak dinyatakan dalam arahan soalan.**
4. Calon perlu **mengenal pasti semua fokus** yang terdapat dalam **semua bahan**.

TIP MUDAH Mencari Isi / Fokus

| BIL | FOKUS | PERKATAAN YANG SERING DIGUNAKAN SEBELUM ISI |
|-----|-------------------------|---|
| 1 | Kesan | Dapat / telah mampu / berupaya / akan / boleh mendatangkan / menjadikan / menyebabkan / membolehkan / meninggalkan / mempengaruhi |
| 2 | Faedah / punca / faktor | Disebabkan/ kerana / daripada / oleh sebab / menyumbang |
| 3 | Langkah / peranan | Hendaklah / perlu / mesti / harus / wajar / boleh / sepatutnya / wajib / berperanan |
| 4 | Masalah / kekangan | Masalahnya / halangannya / kekangannya / cabarannya |

5. Markah keseluruhan isi ialah **20 markah** termasuk pendahuluan dan penutup.
6. Calon perlu mengemukakan **8 isi lengkap** daripada semua bahan dan semua fokus. **Calon boleh mengemukakan lebih daripada 8 isi dengan syarat tidak melebihi 120 patah perkataan.**
7. Lazimnya isi yang terdapat dalam bahan yang diuji melebihi 8 isi.
8. **Calon perlu mengemukakan sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.**
9. **Semua isi tersebut berdasarkan pemindahan maklumat sahaja.** Calon tidak perlu mengubah perkataan atau maksud maklumat yang dipilih sebagai isi.

AGIHAN ISI

| PERINGKAT | MARKAH |
|---|-----------|
| PENDAHULUAN | 2 |
| ISI (FOKUS 1 DAN FOKUS 2) (8 ISI X 2 markah) | 16 |
| KESIMPULAN | 2 |
| JUMLAH | 20 |

10. Markah bahasa **dinilai secara holistik** berdasarkan penggunaan bahasa oleh calon dan bukan berdasarkan jumlah isi yang diperolehi. Asas pemberian markah bahasa adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut :

| PERINGKAT | MARKAH BAHASA |
|-----------|----------------------|
| CEMERLANG | 8 – 10 markah |
| BAIK | 5 – 7 markah |
| SEDERHANA | 3-4 markah |
| LEMAH | 1-2 markah |

11. Jawapan rumusan MESTI ditulis tidak melebihi 120 patah perkataan.
12. Kesimpulan perlu berdasarkan tema bahan. Disyorkan untuk menulis kesimpulan seperti berikut;

(TEMA + CADANGAN [PERLU] + HARAPAN [AGAR]) –
DITULIS DALAM SATU AYAT SAHAJA

Contoh :

Tema soalan : **Amalan Menabung**

Kesimpulan – *Kesimpulannya, amalan menabung [TEMA] perlu dipupuk [CADANGAN] agar melahirkan masyarakat yang berjimat cermat.[HARAPAN]*

13. Jawapan hendaklah ditulis dalam bentuk esei.
14. Contoh soalan dan jawapan calon;

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1

Pada tahun 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengumumkan pelaksanaan secara bersepadu penggunaan buku teks digital dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pendigitalan buku teks ini, dilihat sebagai satu usaha ke arah transformasi pendidikan negara.

Aplikasi KPM Textbook Reader yang dibangunkan ini memerlukan pengguna memuat turun buku teks tersebut. Aplikasi yang telah dimuat turun ini boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja walaupun tanpa Internet. Hal ini membolehkan murid mengaksesnya di pasar raya, di kampung dan di taman rekreasi. Selain itu, buku teks digital turut menyediakan ruang simpanan yang lebih sistematik. Oleh hal yang demikian, murid tidak memerlukan rak buku atau beg untuk menyimpan buku teks dan membawanya ke sekolah.

Jika dahulu, subtopik buku teks dicari melalui penggunaan halaman isi kandungan dan muka surat, namun kini murid lebih efisien mencari maklumat melalui kata kunci. Penggunaan aplikasi carian dalam setiap tajuk yang ingin dibaca atau dikaji boleh memudahkan proses PdP. Buku teks digital juga lebih mudah dikemas kini sekiranya berlaku kesalahan maklumat dalam penerbitan buku tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak KPM dapat menjimatkan masa untuk membuat penambahbaikan buku teks digital sedia ada.

Namun begitu, bukan semua murid mempunyai kemudahan peranti elektronik seperti telefon pintar dan komputer untuk memuat turun buku teks digital ini. Aplikasi KPM Textbook Reader yang boleh diakses secara percuma ini pula merumitkan murid untuk membuat pendaftaran akaun sebagai pengguna. Tanpa pendaftaran akaun pengguna, murid tidak dapat menggunakan aplikasi ini. Oleh itu, penggunaan buku teks digital perlu diperkukuh dan diperkasakan oleh KPM.

Penggunaan buku teks digital juga memerlukan kos penyediaan dan pelaksanaan yang tinggi. Dalam hal ini, KPM terpaksa memperuntukkan kos yang besar bagi merealisasikan

penggunaan buku teks digital. Oleh hal yang demikian, kerjasama pihak sekolah, ibu bapa dan murid penting dalam menjayakan penggunaan buku teks digital ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Buku Teks Digital Apakah Manfaatnya’
oleh Hasrul Hosshan,
Dewan Siswa, Bil. 03/2021

Bahan 2



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



DELIMA
Digital Educational Learning Initiative Malaysia

Malaysia ke Arah Pembelajaran Menggunakan Buku Teks Digital dalam Norma Baharu



- Sektor pendidikan tidak terkecuali untuk amalan norma baharu sejak pandemik corona virus (COVID-19). Platform pembelajaran ini mengandungi pelbagai buku teks digital. Penjenamaan semula buku teks ini menjadikan sesi pengajaran guru lebih menarik.
- Platform ini secara puratanya menghimpunkan 1.7 juta pengguna aktif pada setiap bulan. Aplikasi yang interaktif dan imej yang menarik mampu membantu murid fokus dan mudah memahami sesuatu mata pelajaran.

Sumber: <https://anyfip.com>

Bahan 3



Sumber: Internet

| | |
|--|---|
| <p>Rumusan membincangkan kebaikan-kebaikan (F1) dan halangan-halangan (F2) dalam penggunaan buku teks digital. ✓P2</p> | <p>P2-2</p> |
| <p>Kebaikan-kebaikannya ialah buku teks digital boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. ✓A1 Bahan ini menyediakan ruang simpanan yang lebih sistematik ✓A2 dan murid-murid lebih efisien mencari maklumat melalui kata kunci. ✓A2 Buku teks digital menjadikan sesi pengajaran guru lebih menarik ✓C1 dan mampu membantu murid fokus dan mudah memahami sesuatu mata pelajaran. ✓C2</p> | <p>A1-2 A2-2 B1-2 B2-2</p> |
| <p>Keburukan-keburukan buku teks digital bukan semua murid mempunyai kemudahan peranti elektronik ✓B1 dan merumitkan murid untuk membuat pendaftaran akaun sebagai pengguna ✓B2 Murid tidak merujuk buku teks digital tersebut tetapi melayari laman sesawang lain ✓D1 di samping banyak tarikan aplikasi lain yang lebih menyeronokkan. ✓D2</p> | <p>C1-2 C2-2 D1-2 D2-2</p> |
| <p>Kesimpulannya, penggunaan buku teks digital mesti diperkasakan agar kualiti pendidikan negara bertaraf dunia. ✓K2</p> | <p>K-2</p> |
| <p>[111 patah perkataan]</p> <p>P-2 A-4 B-4 C-4 D-4 <u>K-2</u> I-20 <u>B-10</u> <u>J=30</u></p> | |

KESILAPAN CALON KETIKA MENJAWAB SOALAN 9

1. PENDAHULUAN

- i. Calon salah menyatakan **Fokus 1** atau **Fokus 2** dalam pendahuluan ;
Contoh : Rumusan membincangkan kebaikan-kebaikan (F1) dan usaha-usaha (F2) dalam penggunaan buku teks digital. - [1m] kerana **Fokus 2** salah
- ii. Calon **menyatakan lebih daripada 2 fokus** dalam pendahuluan ;
Contoh : Rumusan membincangkan kebaikan-kebaikan (F1), halangan-halangan (F2) dan usaha-usaha (F3) dalam penggunaan buku teks digital. - [1m] kerana **ada 3 fokus**
- iii. Calon tersilap tema dalam pendahuluan ;
Contoh : Rumusan membincangkan kebaikan-kebaikan (F1) dan halangan-halangan (F2) dalam penggunaan aplikasi KPM eTextbook Reader. - [0m] kerana **tema salah**

2. ISI

i. Calon menyatakan isi yang tidak lengkap ;

Contoh :

- (a) Isi - *boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja*
Calon tulis - *boleh diakses pada bila-bila masa - 0m*
- (b) Isi - *merumitkan murid untuk membuat pendaftaran akaun sebagai pengguna*
Calon tulis - *merumitkan murid untuk membuat pendaftaran akaun - 0m*
- (c) Isi - *tidak merujuk buku teks digital tersebut tetapi melayari laman sesawang lain*
Calon tulis - *tidak merujuk buku teks digital tersebut - 0m*

ii. Isi yang dikemukakan tidak merangkumi semua bahan dan semua fokus ;

Contoh :

Rumusan membincangkan kebaikan-kebaikan (F1) dan halangan-halangan (F2) dalam penggunaan buku teks digital. ✓P2

Kebaikan-kebaikannya ialah buku teks digital boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. ✓A1 Bahan ini menyediakan ruang simpanan yang lebih sistematik ✓A2 dan murid-murid lebih efisien mencari maklumat melalui kata kunci. ✓A3 Selain itu, aplikasi ini lebih mudah dikemas kini sekiranya berlaku kesalahan maklumat dalam penerbitan buku tersebut. ✓A4 Buku teks digital menjadikan sesi pengajaran guru lebih menarik ✓C1 dan mampu membantu murid fokus dan mudah memahami sesuatu mata pelajaran. ✓C2

Keburukan buku teks digital bukan semua murid mempunyai kemudahan peranti elektronik ✓B1 dan merumitkan murid untuk membuat pendaftaran akaun sebagai pengguna. ✓B2

Kesimpulannya, penggunaan buku teks digital mesti diperkasakan agar kualiti pendidikan negara bertaraf dunia. ✓K2

P2-2

A1-2

A2-2

A3-2

A4-2

B1-2

B2-2

C1-2

C2-2

D1-

D2-

K-2

P-2

A-6

B-4

C-4

D-0

K-2

I-18

B-10

J=28

Walaupun calon ini mengemukakan 8 isi dengan tepat, namun hanya 7 isi sahaja diambil kira kerana isi untuk Fokus 2 dalam Bahan 3 tidak diambil.

- iii. Calon memulakan perenggan isi dengan **pernyataan FOKUS yang salah**. Misalnya, **Fokus** dalam petikan ialah **KEBAIKAN**, namun calon menulis **KESAN**.

Contoh :

Kesan-kesannya ialah buku teks digital boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. X Bahan ini menyediakan ruang simpanan yang lebih sistematik ✓A2 dan murid-murid lebih efisien mencari maklumat melalui kata kunci. ✓A3

Isi pertama salah kerana tidak menepati fokus.

3. KESIMPULAN

- i. Calon hanya menyatakan cadangan dalam kesimpulan ;
Contoh : *Kesimpulannya, penggunaan buku teks digital mesti diperkasakan. – 1m sahaja kerana calon tidak mengemukakan harapan.*
- ii. Calon memasukkan pihak dalam kesimpulan ;
Contoh : *Kesimpulannya, Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memperkasakan penggunaan buku teks digital agar kualiti pendidikan negara bertaraf dunia. / Kesimpulannya, penggunaan buku teks digital perlu diperkasakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia agar kualiti pendidikan negara bertaraf dunia. – 0m kerana calon memasukkan pihak (Kementerian Pendidikan Malaysia)*
- iii. Calon menyatakan tema yang salah dalam kesimpulan ;
Contoh : *Kesimpulannya, buku teks mesti diperkasakan agar kualiti pendidikan negara bertaraf dunia. – 0m kerana calon tersalah tema (buku teks – sepatutnya penggunaan buku teks digital)*

LATIHAN BERFOKUS

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

SOALAN 1 - MORFOLOGI

LATIHAN 1

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata majmuk. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata majmuk tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

PUTRAJAYA- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan orang asli suku Bateq di Kuala Koh, Gua Musang, dijangkiti wabak measles atau demam campak. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pengesahan itu dibuat berdasarkan hasil ujian makmal yang dilaksanakan. Terdapat 112 kes dilaporkan oleh kakitangan KKM termasuklah tiga kematian yang terbaharu di Hospital Raja Perempuan Zainab II akibat daripada komplikasi demam campak. KKM berhasrat campur tangan daripada pelbagai pihak amat perlu untuk menangani krisis ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
[https://sinarharian.com.my/article/32945/BERITA/NASIONAL/ KKM-sahkan-suku-Bateq-dijangkiti-deman-campak.](https://sinarharian.com.my/article/32945/BERITA/NASIONAL/ KKM-sahkan-suku-Bateq-dijangkiti-deman-campak)

[8 markah]

LATIHAN 2

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata akronim. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata akronim tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Aktiviti-aktiviti Rakan Alam Sekitar (RAS) meliputi pelaporan atau mengenai kes-kes pencemaran dan kerosakan alam sekitar kepada agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab. Pelbagai aktiviti yang memanfaatkan inovasi sains dan teknologi juga akan dilaksanakan bagi melestarikan alam sekitar. Usaha murni ini akan digerakkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Sesungguhnya, program murni seumpama ini wajar dilaksanakan terhadap murid-murid termasuklah murid tadika supaya kesedaran generasi muda dapat ditingkatkan dari awal lagi. Antara aktiviti menarik yang diadakan seperti pertandingan menulis cerpen yang bertemakan alam sekitar dengan kerjasama GAPENA. Bukan itu sahaja, pertandingan berunsur kesenian dan muzik seperti kugiran, drama, dan koir juga wajar diadakan.

Dipetik dan diubah suai daripada
 laman web *Jabatan Alam Sekitar Malaysia*

[8 markah]

LATIHAN 3

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata kerja terbitan apitan**. Kemudian **bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata kata kerja apitan tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya**. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Apa khabar sahabatku, Noreen? Maafkan saya kerana membuat awak tertunggu-tunggu jawapan tentang petua menggunakan herba untuk menjaga kesihatan. Puas saya memujuk nenek untuk berkongsi petua. Setelah seminggu menghabiskan cuti sekolah di rumah nenek, dapatlah juga saya mengumpulkan maklumat tentang petua nenek.

Noreen, awak tahu tak bahawa bunga raya berwarna putih boleh dijadikan ubat? Pada mulanya saya berfikir seakan-akan tidak memercayainya namun nenek saya menggunakan bunga raya putih sebagai alat tuam untuk merawat bisul dan bengkak. Di sekeliling rumah nenek saya juga ada banyak pokok kaduk. Saya hampir keliru untuk membezakan daun kaduk dengan daun sireh kerana merasakan kedua-dua daun tersebut adalah sama.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Tingkatan 4,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[8 markah]

LATIHAN 4

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata ganda**. Kemudian **bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata ganda tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya**. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.

Pihak kerajaan menyeru golongan belia agar menceburi bidang pertanian. Hal ini dikatakan demikian kerana bidang ini mempunyai masa depan yang lebih cerah berbanding sektor lain yang mudah terjejas akibat kemelesetan ekonomi dunia. Buktinya, beribu-ribu orang telah kehilangan pekerjaan. Pihak kerajaan menerusi institusi kewangan seperti Agro Bank menyediakan kemudahan-kemudahan pembiayaan khusus untuk usahawan muda dalam sektor pertanian.

Penggunaan teknologi moden dan canggih turut memudahkan petani-petani menguruskan kebun. Golongan petani muda tidak perlu lagi kerap ke kebun. Sebagai contoh, teknologi dron dapat digunakan untuk membuat pemantauan hasil pertanian. Jelaslah bahawa, tiada alasan untuk belia memandang rendah terhadap sektor pertanian seolah-olah sektor ini tidak menjanjikan peluang yang cerah.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Galak Belia Terlibat Sektor Pertanian”,
Utusan Malaysia, 17 November 2020

[8 markah]

LATIHAN 5

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata pinjaman**. Kemudian **bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata pinjaman** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.

Kenaikan paras air laut adalah antara bahaya utama kesan pemanasan global. Dengan peningkatan gas rumah hijau, bumi menjadi semakin panas. Akibatnya, pencairan ais di bahagian kutub sukar dikawal. *Intergovernmental Panel on Climate Change* (IPCC) menjelaskan bahawa bumi berada dalam bahaya sekiranya tiada sebarang tindakan untuk menurunkan penggunaan gas rumah hijau.

Terdapat beberapa statistik menunjukkan kenaikan paras laut akan memberi kesan yang buruk kepada bumi. Usaha mengembalikan keadaan asal paras laut, pastinya akan mengambil masa ribuan tahun. Namun begitu, perkara yang lebih bahaya ialah kegagalan dunia bertindak pantas untuk menangani krisis cuaca.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Tahun 2050 Bandar Utama di Malaysia Lenyap?”
oleh Mohd Fadzil Mohd Akhir,
Dewan Kosmik, Bil 10/2021

[8 markah]

SOALAN 2 - SINTAKSIS

LATIHAN 1

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, kenal pasti jenis-jenis ayat yang bergaris sama ada ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah atau ayat seruan.

“Kertas kerja ini lengkap dengan kajian masa lalu, masa sekarang dan masa hadapan. Alamak, cadangan penyelesaiannya seperti ada yang tidak kena!” suara Doktor Fiq yang tegas dan keras tiba-tiba memecah kesunyian. Aku dan Olan bertukar kerlingan.

“Apa....apa yang tidak kena tu, doktor?” Olan bersuara, serak-serak antara kedengaran dengan tidak. “Mengikut cadangan di sini, kita menggunakan tenaga solar.” Aku terkedu. Apakah rasionalnya?

“Tolong buat penyelidikan semula. Saya mahu kamu berdua ambil kira semua faktor termasuk kemampuannya untuk bersaing dalam tempuh yang lama. Pastikan juga kenderaan kita bercirikan Internet benda (IoT). Ah, saya beri tempoh seminggu sahaja!” tegas Doktor Fiq.

Dipetik dan diubah suai daripada
Pencipta Teknologi
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

LATIHAN 2

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, **cerakinkan** ayat yang bergaris dalam petikan di bawah kepada **enam ayat tunggal** tanpa mengubah maksud asal petikan.

Pelajar perlu sedar bahawa bidang vokasional mempunyai kelebihan tersendiri. Oleh sebab itu, pelajar perlu bijak dan tidak harus memandang bidang tersebut dengan sebelah mata. Pelajar kolej vokasional juga layak menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda dengan syarat mereka perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Dipetik dan diubahsuai daripada,
Dilema Memilih Bidang Pengajian?
oleh Jeniri Amir,
Dewan Siswa, Bil.02/2020

[6 markah]

LATIHAN 3

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat bersusunan pasif** yang bergaris di bawah ini kepada **ayat bersusunan aktif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Sekiranya tindakan yang efektif tidak diambil oleh pihak yang terbabit, kita pasti akan menghadapi pelbagai kesan negatif dalam jangka masa panjang. Salah satu tindakan yang boleh diambil oleh pihak kerajaan untuk melestarikan keindahan alam sekitar adalah mewujudkan hutan simpan kekal. Hutan simpan kekal tersebut akan diuruskan oleh kerajaan. Seterusnya, taman negara juga dilindungi oleh kerajaan agar biodiversiti semula jadi kawasan tersebut kekal terpelihara.

[6 markah]

LATIHAN 4

*Gabungkan ayat-ayat di bawah supaya menjadi **tiga ayat** sahaja dengan menggunakan **kata hubung** yang sesuai tanpa mengubah maksud dan struktur asalnya.*

Kita pernah dikejutkan dengan kematian tiga badak sumbu Sumatera terakhir di Malaysia. Kematian badak sumbu ini merupakan satu kehilangan besar buat khazanah hutan negara. Banyak langkah dipergiat demi memastikan kelestarian alam sekitar. Masih ramai yang tidak peduli akan usaha memulihara spesies terancam. Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, spesies Harimau Malaya tergolong dalam kategori terancam di Malaysia. Spesies seladang juga tergolong dalam kategori terancam di Malaysia. Selain itu, penyu juga merupakan spesies terancam.

Dipetik dan diubah suai daripada
Astro Awani, 3 Mac 2020

[6 markah]

LATIHAN 5

*Berdasarkan petikan di bawah ini, kenal pasti dan tulis **subjek dan predikat** yang lengkap bagi tiga ayat yang bergaris seperti contoh berikut.*

Subjek : _____
Predikat : _____

Rasuah merupakan perbuatan tidak bermoral yang dilakukan oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Amalan negatif ini perlu dihindari kerana perbuatan ini menjejaskan imej perasuah dan organisasi yang diwakilinya. Walaupun penerima rasuah bijak menyembunyikan perbuatannya, akhirnya ketahuan juga. Pelaku rasuah sukar terlepas daripada hukuman apabila dihadapkan ke mahkamah.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Rasuah Menggugat Pembangunan Negara”,
Dewan Masyarakat, Bil 5/2016

[6 markah]

SOALAN 3 - PENYUNTINGAN**LATIHAN 1**

Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Bahan 1**Alam Kerjaya Terbentang Luas**

Karnival kerjaya yang disiarkan oleh Yayasan Anak Watan Malaysia (Yawam) dan Persatuan Mahasiswa Muda (Permam) telah memberikan peluang pada anak muda untuk mendapatkan maklumat pekerjaan. Program yang berjalan lancar pada 2 Mac 2019 ini menyediakan lebih 3000 peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang.

Pengerusi Yawam, Encik Muhammad Zaki bin Zahid, menyatakan bahawa program itu turut dibahagikan oleh lebih 50 buah organisasi termasuklah syarikat swasta, kementerian, jabatan kerajaan, Universiti Awam (UA), Universiti Swasta (US), dan Pusat Latihan Kemahiran Awam (PLKA).

Pelbagai aktiviti menarik dan sarat dengan ilmu turut tersedia. Antaranya termasuklah acara senam robik, program bual bicara bersama penceramah jemputan, dan uji bakat kerjaya dalam bidang penyiaran bersama RTM, Bernama, dan Radio IKIM. Selain itu, karnival ini turut menyediakan ruang niaga untuk 30 buah gerai makanan, pakaian, barangan digital pelbagai jenama, dan kaunter kesihatan Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk periksa kesihatan. Di samping itu, para pengunjung juga boleh menonjolkan bakat kreatif dalam pertandingan melukis komik adaptasi dari cerpen terpilih.

Menerusi program Bimbingan Tatacara Temu Duga dan Taklimat industri pula, pengunjung mendapat beberapa tip-tip untuk temu duga, antaranya termasuklah penyediaan resume, kemahiran berkomunikasi, persembahan pitching, dan etika berpakaian. Bengkel dan taklimat semasa Kaunseling Kerjaya bersama penal penganjur membolehkan para pengunjung mendapatkan pedoman dan latihan temu duga sebagai persediaan untuk temu duga sebenar.

Sesungguhnya, karnival kerjaya ini sangat memberikan manfaat kepada para pengunjung. Para belia yang ingin berjaya dalam permohonan kerja mestilah berusaha menimba ilmu dengan kehadiran karnival kerjaya ini. Bak kata pepatah Melayu, jika pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang.

Dipetik daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[11 markah]

LATIHAN 2

Bahan-bahan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Bahan 1

Selain daripada menghirup udara segar dan berenang di tepi pantai, pernah hadirin mengambil bahagian dalam aktiviti sukan air, di antaranya termasuklah luncur jet, luncur air, mahupun selam skuba? Saya yakin bilangan yang pernah mencubanya boleh dikira dengan jari. Oleh itu, marilah sama-sama kita selusuri kepentingan sukan air kepada kita. Kebanyakan sukan air memerlukan stamina, kecergasan fizikal, dan kecerdasan mental selain kemahiran kursus tentang sukan tersebut. Proses ini menyebabkan kebakaran lemak dalam badan berlaku. Hal ini menyebabkan peminat sukan air ini bukan sahaja kekal sihat, malahan memiliki berat badan yang ideal.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kepentingan Sukan Air'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[5 markah]

Bahan 2

Editor : Pada pandangan doktor, apakah bahasa peribumi penting?
Dr. Sharifudin : Bahasa ini penting kerana menjadi lambang identiti kelompok masyarakat
Yusof : Bahasa ini penting kerana menjadi lambang identiti kelompok masyarakat peribumi dinegara ini. Sebagai contoh terdapat 18 suku kaum orang asli di Malaysia dan identifikasi setiap kelompok itu dapat menentukan melalui ciri linguistik bahasa mereka.

Editor : Jika bahasa peribumi penting, bolehkah tuan jelaskan faedah bahasa ini?
Dr. Sharifudin : Hasil pengalaman menggali kesemua 18 masyarakat peribumi selama
Yusof : Hampir 20 tahun, pengetahuan mereka tentang flora dan fauna hanya dapat ditangani jika kita memahami bahasa mereka. Seterusnya, saya berani membuat kesimpulan bahawa masyarakat yang dilihat kebelakangan ini, sebenarnya berkemungkinan pernah mencapai tahap tamadun yang tinggi di suatu masa dahulu.

Dipetik dan diubah suai daripada
Generasi Muda perlu Mempelajari Bahasa Peribumi
Oleh Sidang Editor Dewan Bahasa
Dewan Bahasa, Bil.04/2019

[6 markah]

LATIHAN 3

Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Bahan 1

Berjalan kaki merupakan aktiviti rutin harian bagi setiap insan. Pentingnya menerapkan amalan yang baik ini dari peringkat kanak-kanak lagi kerana melentur buluh biarlah daripada rebungunya. Masyarakat disarankan untuk berjalan kaki sekurang-kurangnya 10 ribu langkah pada tiap hari bagi memupuk gaya hidup sihat. Individu yang kerap berjalan kaki jarang sekali menghidap penyakit kronik seperti penyakit jantung. Selain itu, kuantiti serotonin yang berfungsi demi untuk mengurangkan gejala kemurungan akan meningkat apabila seseorang individu kerat berjalan kaki. Seseorang yang gemar melakukan aktiviti berjalan kaki sangat sihat orangnya.

Dipetik dan diubah suai daripada
Berjalan Pantas Penyelidikan Ilmu Fizik dan Biomekanik
Oleh Chong Chee Jiun dan Noor Azie Azura Mohd Arif
Dewan Kosmik, Bil.03/2020

[5 markah]

Bahan 2

Koronavirus merupakan penyakit saluran penafasan yang disebabkan oleh sejenis virus baharu yang dikenali sebagai Covid-19. Antara gejala awal penyakit ini termasuklah demam denggi, selsema, batuk, badan sakit, batuk berdarah dan cirit-birit. Pakar perubatan hanya menggunakan antibiotik dan antiviral seperti Oseltamivir secara empirikal dalam proses rawatan. Setakat ini belum ditemui vaksin yang boleh digunakan untuk mencegah penyakit ini. Amalan memakai penutup muka juga boleh membantu mengurangi risiko jangkitan penyakit Covid-19.

Dipetik dan diubah suai daripada
Koronavirus Serang Pernafasan Manusia
Oleh Harmacy mohamed Yusoff,
Dewan Kosmik, Bil.03/2020

LATIHAN 4

Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

LARIAN
BASES 2023

SABTU, 25 FEBRUARI 2023
7.30 PAGI | DATARAN BASES

YURAN KEAHLIAN: RM55

**BAJU, AIR MINUMAN, MEDAL DAN CABUTAN BERTUAH
TURUT DISEDIKAN**

SYARAT-SYARAT LARIAN

- Terbuka kepada warga negara Malaysia yang sihat
- Kategori penyertaan ialah individu dan keluarga.
- Kategori individu ialah dewasa dan murid sekolah
- Kategori keluarga terdiri dari ibu, bapa dan anak.
- Tarikh tutup pendaftaran ialah pada 11 Februari 2023

**UNTUK PERTANYAAN LANJUT, SILA HUBUNG
PUAN FADHILAH 015-40357000**

[5 markah]

Bahan 2

Resepi Mi Goreng

Mi goreng merupakan makanan popular di kalangan rakyat Malaysia. Menu ini boleh disediakan pada bila-bila masa dan penyediaannya juga mudah. Berikut ialah bahan-bahan dan cara penyediaannya:

Tempoh masak: 15 minit

- Dua sudu makan minyak masak
 - Empat ulas bawang merah
 - Satu ulas bawang putih
 - Satu sudu makan cili kisar
 - Empat ekor udang
 - Dua sudu makan cili sos
 - Satu sudu makan sos tiram
 - Satu butir telur
 - Satu bungkus mi
 - Satu tangkai sawi
 - Garam dan gula secukup rasa
1. Panas minyak masak dan masukkan bawang merah dan bawang putih.
 2. Masukkan cili kisar dan biarkan seketika.
 3. Masukkan udang, semua sos, telur dan sedikit gula.
 4. Masukkan mi, sayur sawi dan gaulkan sehingga sebatu.
 5. Akhir sekali, tambahkan garam secukup rasa.
-

[6 markah]

LATIHAN 5

Petikan ucapan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan ucapan tersebut.

Selamat sejahtera saya ucapkan kepada saudara pengerusi majlis, para jemputan-jemputan dan hadirin yang dihormati sekalian. Tajuk ceramah yang akan saya sampaikan di pagi yang mulia ini ialah “Jiran Muafakat Melahirkan Masyarakat Harmoni”.

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

Jiran tetangga perlu mengamalkan amalan bertegur sapa seperti bertanya kabar atau bertukar-tukar pandangan supaya hubungan kejiranan semakin kukuh. Sebenarnya semangat kejiranan mampu mendatangkan impak yang ketara pada kesejahteraan masyarakat. Bagi mengukuhkan semangat ini setiap jiran hendaklah mempunyai matlamat hidup yang sama iaitu inginkan perpaduan agar kehidupan berjiran akan berkekalan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang di hormati,

Amalan ambil peduli terhadap sesuatu keadaan yang jiran hadapi dapat membantu pupuk semangat hidup berjiran. Hal ini dikatakan demikian kerana, banyak masalah kejiranan dapat diselesaikan apabila masing-masing saling mengambil peduli sesama jiran. Begitu juga dalam hubungan kejiranan yang melibatkan masyarakat yang berbeza bangsa dan agama, sikap saling hormat-menghormati kepercayaan masing-masing dan mengamalkan amalan mulia.

Hadirin sekalian,

Dalam etika kejiranan, kita hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang mengguris perasaan jiran. Hak mereka sebagai jiran perlu kita hormati seperti tidak berbuat bising dan tidak mengganggu kesejahteraan mereka. Hubungan kejiranan memerlukan kita saling bertemu.

[11 markah]

SOALAN 4 - BAHASA MELAYU STANDARD**LATIHAN 1**

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah hari pun siang maka orang kaya-kaya itu pun datang menghadap raja mengadukan halnya kecurian semalam itu. Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, “Hai Temenggung, tiadakah menyuruhkan orangnya berkawal tadi?”

Maka sembah Temenggung, “Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang berkawal semalam tadi, seorang pun tak bertemu. Patik hamba itu pun hairanlah akan perajurit itu.”

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

LATIHAN 2

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap duduk di tanah sama-sama orang banyak. Maka kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, “Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan. Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga; adapun orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah maka demikian fiil tuan?”

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

LATIHAN 3

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah sudah ia berfikir, maka Patih Gajah Mada pun ingat akan Petala Bumi itu. Maka Patih Gajah Mada pun menyuruh kepada bini Petala Bumi bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari pergi mencuri ke Daha itu, sudahkah datang dari Daha atau belumkah. Maka orang Patih Gajah Mada pun pergilah kepada bininya Petala Bumi.

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[4 markah]

LATIHAN 4

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah maksud dan bentuk asalnya.

“Syahadan, Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan orang bijaksana, kerana pada zaman itu tiga buah negeri yang sama besarnya; pertama, Majapahit; kedua, Pasai; ketiga, Melaka. Di dalam negeri tiga buah itu, ada tiga orang yang bijaksana; di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada; dan di Pasai, Orang Kaya Kanayan; dan di Melaka, Bendahara Paduka Raja; dan Seri Nara Diraja menjadi penghulu bendahari.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

LATIHAN 5

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah maksud dan bentuk asalnya.

Adapun Seri Bija Diraja itu sedia asal Melayu, Tun Hamzah namanya, asalnya daripada Muntah Lembu; ia dipanggil orang Datuk Bongkok. Apabila berjalan atau duduk, bongkok ia. Oleh sebab sangat gagah dan berani ia menjadi hulubalang besar, duduk di atas segala hulubalang.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

SOALAN 5 - PERIBAHASA**LATIHAN 1**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **dua peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Figura yang amat sinonim dengan bidang masakan, iaitu Cef Zam sering muncul di pelbagai platform media. Cef Zam yang bertubuh besar berbanding rakan seusianya sering dibuli di sekolah menengah suatu ketika dahulu sehingga menyebabkan beliau berasa sangat sedih dan kecewa dengan sikap kawan-kawannya. Namun begitu, hal tersebut tidak memberikan kesan terhadap keyakinan dirinya sebaliknya beliau sudah lali dan tidak melihat perkara tersebut akan menghalang minat dan kejayaannya pada suatu hari nanti jika beliau sentiasa fokus. Beliau yang pernah gagal telah membuat keputusan untuk menduduki semula Sijil Rendah Pelajaran (SRP) buat kali kedua dan berjaya lulus walaupun keputusan itu tidaklah cemerlang berbanding murid lain.

Dipetik dan diubah suai daripada
Sering Gagal dan Dibuli Mungkin Kejayaan Chef Zam
Oleh Nina Isa
Dewan Siswa, Bil.1/2020

[4 markah]

LATIHAN 2

Petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua peribahasa**, kemudian berikan maksud peribahasa tersebut.

Bukit sama didaki, lurah sama dituruni. Itulah yang menjadi pegangan kami dalam ekspedisi ini. Apakan daya, malang tidak berbau. Ketua kumpulan terpaksa menghentikan pendakian kerana mengalami kecederaan telah menyebabkan kami seperti anak ayam kehilangan ibu.

Dipetik daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[4 markah]

LATIHAN 3

Isi tempat kosong dalam ayat di bawah dengan **peribahasa yang sesuai** berdasarkan situasi dalam ayat tersebut.

- i. Para guru tidak akan jemu untuk mengingatkan semua anak didiknya agar sentiasa mengenang jasa ibu bapa. Kita tidak boleh menjadi _____ (i) _____.
- ii. Sebagai pengguna yang bijak, kita perlu _____ (ii) _____ ketika berbelanja kerana apa-apa sahaja yang kita mahukan biarlah sesuai dengan pendapatan kita dan tidak berlebih-lebihan.
- iii. Ibu menasihati Aman agar _____ (iii) _____ setelah melihat anaknya itu bergaduh dengan kawan baiknya.

[6 markah]

LATIHAN 4

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Keadaan Alia tidak sempurna seperti orang lain kerana dilahirkan sebagai insan kelainan upaya. Pendapatan bapanya juga tidak menentu kerana sering sakit. Namun kesukaran tersebut bukanlah satu halangan bagi Alia untuk meneruskan kehidupan. Tidak mahu mengharap belas ihsan daripada masyarakat, dia nekad untuk berniaga menghasilkan kerepek secara kecil-kecilan bagi menambahkan pendapatan keluarganya. Alia juga berusaha mempelajari cara-cara mempelbagaikan perisa kerepek yang dihasilkan daripada Internet. Alia juga memanfaatkan platform media sosial dan e-dagang dalam pemasaran kerepeknya. Berkat kesungguhan dan kelebihan media sosial, jualan kerepeknya semakin mendapat permintaan yang tinggi daripada para pelanggan. Bagi Alia, jika ada minat dan kesungguhan pasti membuahkan hasil yang lumayan.

[6 markah]

LATIHAN 5

Baca keratan akhbar di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

KUALA LUMPUR, 14 OKTOBER – Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Malaysia (SC) mengingatkan orang ramai agar tidak terpengaruh dengan pelbagai penganjuran skim cepat kaya atau skim yang menawarkan pulangan wang yang tidak masuk akal. Hal ini demikian kerana, mangsa yang mengharapkan keuntungan yang besar dan segera sanggup menyertai skim ini. Namun, wang disimpan sejak bertahun-tahun lamanya lesap dalam sekelip mata. Orang ramai yang pernah menjadi mangsa tentu berasa menyesal dan berwaspada agar tidak menjadi mangsa lagi.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Elak Jadi Mangsa Penipuan Skim Cepat Kaya,
Berita Harian, 14 Oktober 2021

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

SOALAN 6 – PEMAHAMAN PETIKAN UMUM

LATIHAN 1

Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pertanian bandar bukanlah perkara yang baharu di negara ini, namun yang membezakannya hanyalah pertukaran fasa, iaitu berkebun di kawasan yang luas ke kawasan yang terhad. Pertanian bandar mampu menjadi terapi minda kepada komuniti bandar. Mereka akan berasa tenang apabila melihat tanaman tumbuh subur di halaman rumah sendiri. Selain itu, pertanian bandar dapat mengeratkan hubungan antara ahli keluarga apabila seisi keluarga mengambil bahagian dalam aktiviti bercucuk tanam. Namun begitu, komuniti bandar menghadapi pelbagai cabaran dalam merealisasikan konsep pertanian ini. Mereka *menempuh kesukaran* mencari lokasi yang sesuai dan struktur bangunan yang tinggi mengganggu pencahayaan yang diperlukan oleh tanaman serta kos permulaan yang tinggi. Jabatan Pertanian tampil membantu orang ramai dengan menganjurkan kursus bercucuk tanam secara bulanan di taman perumahan yang terpilih untuk menggalakkan masyarakat bandar terdedah dengan aktiviti berkebun. Selain itu, Jabatan Pertanian telah mewujudkan Program Pertanian Bandar yang bertujuan untuk meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran produk pertanian sendiri oleh masyarakat setempat di kawasan bandar.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Pertanian Bandar dan Matlamat Serampang Dua Mata’
oleh Laupa Junus
Dewan Masyarakat, Bil. 02/2021

Bahan 2

Program Pertanian Bandar (PPB) diperkenalkan secara rasminya pada tahun 2014 setelah pembentukan bahagian pertanian bandar di bawah Jabatan Pertanian Malaysia pada tahun 2010. Pertanian bandar selalunya dilakukan di kawasan terhad seperti kawasan terbiar, sudut atau ruang kosong termasuklah di atas bumbung rumah atau bangunan yang boleh menggunakan beberapa kaedah. Antara contoh Program Kebun Komuniti yang berjaya di Malaysia termasuklah di Perumahan Awam (PA) Seri Perlis 2, Kampung Datuk Keramat dan Program Kebun Komuniti Lapan Timur Seksyen 8, Shah Alam. Program Kebun Komuniti yang diadakan ini dapat menambahkan pendapatan masyarakat di samping memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat. Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum memerlukan program seperti ini untuk terus menyatupadukan hubungan antara kaum dalam kalangan masyarakat bandar Malaysia. Pertanian bandar sedikit sebanyak mampu menjadi medium penting bagi mengekalkan kelestarian kawasan bandar dengan meningkatkan jumlah kawasan hijau.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Pertanian Bandar Manfaat Besar Buat Masyarakat’
oleh Amirah Syazwani Baderol Sham
Dewan Ekonomi, Bil. 05/2021

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *menempuh kesukaran*. [2 markah]

(ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, kemukakan beberapa kepentingan pertanian bandar kepada komuniti bandar di negara kita. [3 markah]

(iii) Pihak kerajaan telah mengadakan pelbagai kempen kesedaran kepada golongan belia agar melibatkan diri dalam Program Pertanian Bandar. Namun begitu, sambutan belia di bandar kurang menggalakkan terhadap program tersebut.

Pada pendapat anda, mengapakah golongan belia tidak berminat dengan aktiviti pertanian di bandar? [3 markah]

(iv) Persatuan belia di kawasan tempat tinggal anda sangat aktif kerana terlibat dengan pelbagai kegiatan ekonomi untuk meningkatkan pendapatan komuniti setempat. Persatuan belia ini bercadang untuk mengusahakan tanah lot yang terbiar dengan projek pertanian bandar.

Apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh persatuan belia di kawasan komuniti anda untuk memajukan pertanian bandar? [4 markah]

LATIHAN 2

Baca semua bahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Aktiviti sukan air merupakan suatu aktiviti yang berintensiti sederhana dan sangat menyeronokkan. Jika ditelusuri, banyak kemaslahatan yang akan diperoleh peminat sukan ini. Kebanyakan sukan air memerlukan stamina, kecergasan fizikal, dan kecergasan mental selain kemahiran khusus tentang sukan tersebut. Sukan berkayak contohnya, mampu membuatkan peminat sukan air ini kekal sihat dan memiliki berat badan yang ideal. Hal ini dikatakan demikian kerana pengeluaran adrenalina akan menjadi lebih cepat dan jantung juga berdegup kencang bagi menghantar oksigen ke seluruh badan seterusnya pembakaran lemak akan berlaku.

Kajian turut membuktikan bahawa mereka yang suka berenang berkemungkinan mempunyai jangka hayat yang lebih panjang berbanding dengan atlet olahraga. Sukan air juga mampu memupuk nilai-nilai murni dalam diri seperti keberanian dan persefahaman selain menjadi lebih berdisiplin kerana seseorang itu perlu mematuhi arahan dan mementingkan aspek keselamatan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kepentingan Sukan Air'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Sukan rekreasi *sangat signifikan* dalam merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (Jeris). Oleh itu, sukan rekreasi diselaraskan dengan kurikulum di sekolah melalui sukatan Pendidikan Jasmani. Apabila seseorang murid itu mula terlibat secara aktif dalam aktiviti rekreasi, maka secara automatik akan menyebabkan badan mereka kekal sihat dan mereka akan menjauhkan diri daripada amalan gaya hidup yang tidak sihat seperti merokok.

Secara tidak langsung, nilai-nilai murni dapat diamalkan apabila mereka mengambil bahagian dalam aktiviti sukan rekreasi yang dianjurkan di sekolah. Akhir sekali, apabila seseorang murid sentiasa aktif dalam sukan rekreasi, disiplin diri murid juga dapat ditingkatkan. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka perlu mematuhi peraturan dan syarat permainan apabila menyertai sesuatu aktiviti sukan tersebut

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Kepentingan Aktiviti Sukan dan Rekreasi'
oleh Izzad Syahir,
<https://www.ipendidikan.my> 27Februari 2020

Bahan 3

**PILIHAN AKTIVITI
MENGIKUT KEMAMPUAN ANDA**

Golongan dewasa disaran lakukan **INTENSITI SEDERHANA 30 minit - 5 hari - Seminggu**

INTENSITI RENDAH (60 minit)
Mengemas rumah - Berjalan santai - Mencuci kereta - Berdiri - Tai Chi / Yoga

INTENSITI SEDERHANA (30-60 minit)
Senamrobik - Berjalan pantas - Berbasikal - Mendaki bukit - Berenang - Menari

INTENSITI TINGGI (20-30 minit)
Bola sepak / Futsal - Badminton - Hoki

sumber: <http://aktif.myhealth.gov.my/bagaimanakah-cara-untuk-memilih-senaman-yang-sesuai/>

Sumber : Internet

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *sangat signifikan* [2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 3**, nyatakan contoh-contoh aktiviti sukan yang dikategorikan sebagai tahap intensiti sederhana. [3 markah]
- (iii) Pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bagi menarik minat masyarakat untuk bersukan, namun masih belum mendapat sambutan yang memberangsangkan. Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan keadaan ini berlaku? [3 markah]
- (iv) Salah seorang rakan baik anda tidak gemar bersukan dan banyak menghabiskan masa bermain permainan video pada waktu senggang. Sebagai seorang rakan yang aktif dalam bidang sukan anda ingin menggalakkan rakan untuk turut sama terlibat dalam aktiviti sukan.

Bagaimanakah cara yang boleh anda lakukan bagi menarik minat rakan anda untuk bersukan?

[4 markah]

LATIHAN 3

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Otak dan minda manusia ialah anugerah tuhan yang tiada bandingannya di muka bumi ini. Hal ini dikatakan demikian kerana potensi dan kemampuan otak amatlah tidak terbatas. Otak mempunyai kekuatan untuk mencipta, menyimpan, menganalisis dan mempelajari pelbagai jenis maklumat dari persekitaran sekeliling. Otak orang dewasa mengandungi 10 bilion sel saraf.

Pada setiap hari, hampir 14 juta saraf ini akan berinteraksi dengan lebih 16 juta saraf pada tubuh untuk membolehkan manusia melakukan pelbagai aktiviti. Secara amnya, otak terbahagi kepada dua bahagian, iaitu otak kiri dan otak kanan. Hasil kajian menunjukkan otak kiri lebih banyak digunakan untuk proses berfikir secara analitik verbal, dan selaras manakala otak kanan lebih digunakan untuk berfikir secara visual, intuitisi dan kreatif. Otak kiri dan otak kanan berperanan penting dalam mengatur seluruh fungsi tubuh untuk menjalani aktiviti seharian.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Keajaiban Otak Manusia'
oleh Nor Azisa Ishak,
Dewan Siswa Bil 04/2021

Bahan 2

Perunding Perubatan dan Neurologi, Dr Hiew Fu Liong berkata, sistem saraf manusia terbahagi kepada dua iaitu sistem saraf periferal (PNS) dan sistem saraf pusat (CNS). "Sistem saraf pusat dikaitkan dengan otak dan saraf tunjang, manakala sistem saraf periferal berfungsi dengan bantuan neuron yang juga dinamakan sel saraf.

Sistem saraf menjalankan tugas penting dalam mengawal semua fungsi tubuh manusia seperti degupan jantung, deria, pernafasan dan sebagainya. Menerusi sistem saraf juga, manusia boleh memahami dan bertindak balas dengan persekitaran. Terdapat ribuan saraf yang membawa isyarat sebagai gelombang elektrokimia dari badan terus ke otak.

Kemudian, sistem saraf ini menyalurkan mesej dari otak dan menyampaikan ke bahagian tertentu badan untuk proses berikutnya. Namun begitu, fungsi *penghantaran mesej* ini boleh terjejas sekiranya berlaku gangguan atau kerosakan pada struktur saraf terutama PNS mengakibatkan masalah periferal neuropati," katanya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Saraf Rosak, Mesej Terjejas'
oleh Aniza Zainudin,
Berita Harian

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *penghantaran mesej*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan fungsi-fungsi otak dan saraf terhadap manusia.
[3 markah]
- (iii) Kesihatan mental merupakan salah satu aspek penting yang perlu dijaga demi kesejahteraan diri dan persekitaran sosial.

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang boleh menjejaskan kesihatan mental seseorang?

[3 markah]

- (iv) Anda dan rakan-rakan anda sentiasa ceria dan aktif serta menjalin hubungan baik dengan semua rakan sekelas. Namun demikian, anda mendapati salah seorang rakan sekelas anda tiba-tiba menyendiri dan menjauhi orang lain.

Sebagai rakan yang baik, cadangkan langkah-langkah yang boleh anda lakukan untuk membantu rakan anda agar kembali ceria dan positif.

[4 markah]

LATIHAN 4

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Sebanyak 30 rutin tradisi termasuk permainan masyarakat terdahulu semakin pupus dan dibimbangi lenyap ditelan zaman kerana kurang diberikan pendedahan terutama kepada kira-kira sembilan juta kanak-kanak ketika ini. Pada era gajet dan teknologi hari ini, kehidupan kanak-kanak berubah kerana lebih terdedah kepada aplikasi permainan secara dalam talian dan media sosial. Generasi baharu ketika ini tidak menikmati keseronokan berlari-lari di padang yang luas dan mengeluarkan peluh kerana terikat dengan gajet dan peranti digital tanpa mengendahkan dunia fizikal di sekeliling mereka.

Permainan tradisional seperti congkak, gasing, galah panjang, batu seremban, teng-teng, tarik upih, konda-kondi dan ketinting diamalkan masyarakat dahulu sebagai mengisi masa lapang. “Sayangnya permainan tradisional yang menunjukkan kebudayaan sesuatu tempat itu semakin terpinggir apabila kebanyakan daripada permainan itu kurang diketahui golongan muda kerana tidak didedah dari peringkat awal. Kanak-kanak kini, ramai yang tidak tahu tentang tradisi itu kerana perkembangan pesat teknologi gajet dan penambahan aplikasi permainan secara maya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'30 Permainan Tradisi Makin Pupus'
oleh Mohamad Shofi Mat Isa
Utusan Malaysia, 2 Ogos 2022

Bahan 2

Permainan tradisional atau permainan rakyat merupakan permainan yang dicipta oleh masyarakat tradisional yang sudah diamalkan untuk satu tempoh yang tertentu. Permainan tradisional menjadi kebanggaan masyarakat silam yang diwarisi daripada generasi kepada generasi. Permainan tradisional ini bukanlah hanya permainan semata-mata tetapi turut menyelitkan elemen nilai murni.

Selain menjadi pelengkap alam kanak-kanak pada masa silam pada masa yang sama permainan tradisional turut dapat membentuk sahsiah diri seperti disiplin menepati masa. Permainan tradisional ini lazimnya tidak terbatas faktor usia pemainnya, malah turut dimainkan oleh kanak-kanak atau golongan dewasa yang perlu mematuhi setiap peraturan. Ekoran itu, permainan tradisional seperti congkak, sepak raga, wau, gasing dan galah panjang sering menjadi pilihan. Keunikan itu perlu menjadi aset yang terus dipopularkan agar tidak lenyap ditelan zaman.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Melestarikan Permainan Tradisional Warisan Negara'
oleh Samat Buang
Dewan Siswa Bil 10, 2017

Bahan 3



- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, mengapakah permainan tradisional semakin pupus di telan zaman?
[2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 2** dan **Bahan 3**, nyatakan kelebihan-kelebihan permainan tradisional kepada masyarakat di negara ini.
[3 markah]
- (iii) Permainan tradisional pada hari ini semakin dipinggirkan ekoran kemunculan pelbagai bentuk permainan maya yang lebih menarik dan interaktif.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mempopularkan permainan tradisional?

[3 markah]

- (iv) Kelab Permainan Tradisional sekolah anda bercadang menganjurkan pertandingan permainan tradisional peringkat daerah. Namun begitu, kelab anda menghadapi masalah kewangan kerana dana yang ada masih tidak mencukupi untuk menganjurkan pertandingan tersebut.

Sebagai pengerusi kelab, cadangkan cara-cara yang boleh anda lakukan untuk mengatasi masalah ini.

[4 markah]

LATIHAN 5

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Warisan dan budaya negara merupakan khazanah yang tidak ternilai dan amat penting dalam pembentukan identiti bangsa dan negara. Warisan budaya ini mesti dipelihara supaya kita dapat mengenali asal usul kepelbagaian masyarakat Malaysia. Adat resam dan kepelbagaian budaya bangsa juga memberikan satu identiti kukuh yang dapat memperkasakan jati diri kita sebagai rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana kemurnian warisan budaya yang kita miliki akan menjadi benteng agar masyarakat Malaysia, terutamanya generasi muda tidak dihanyutkan oleh budaya Barat.

Baru-baru ini, kita menyaksikan tokoh dunia korporat dan pencinta budaya bergerak sehalu untuk memastikan warisan budaya dapat dikekalkan dan dipelihara. Kerjasama ini merupakan satu langkah yang amat diperlukan kerana masyarakat perlu sedar bahawa nilai warisan budaya bukanlah satu penghalang pemodenan, tetapi semakin tinggi warisan budaya sesuatu bangsa, bermakna semakin bertambah majulah bangsa tersebut. Usaha menanam minat dan kecintaan masyarakat terhadap warisan budaya perlu dipupuk seawal peringkat sekolah rendah lagi kerana pendedahan ini mampu menyatupadukan masyarakat majmuk di Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Pulihara Warisan Budaya Tugas Bersama’
oleh Julia M,
Berita Harian, 2 Oktober 2019

Bahan 2

Pada era Revolusi Industri 4.0 ini, pelbagai aspek pemodenan telah dikecapi oleh negara. Di sebalik perubahan dimensi tamadun tersebut, warisan dan budaya yang menjadi peninggalan tamadun silam tidak harus dipinggirkan. Hal ini dikatakan demikian kerana warisan dan budaya ini menjadi elemen pengajaran dan pembelajaran kepada masyarakat, khususnya generasi muda. Baru-baru ini, sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2018, penulis bersama rakan media tempatan telah dibawa oleh pihak Tourism Malaysia untuk melawat lima muzium, iaitu dua daripadanya di Melaka dan tiga lagi di Negeri Sembilan. Muzium-muzium ini penuh dengan pelbagai koleksi warisan budaya yang menjadi rujukan penting kepada masyarakat Malaysia dan antarabangsa.

Sebenarnya, pengalaman berkunjung ke muzium di Malaysia bukanlah sesuatu yang membosankan. Hal ini dikatakan demikian kerana kepelbagaian konsep lebih daripada 200 muzium di Malaysia mampu menerangkan pelbagai cerita terdahulu kepada pengunjung. Kebanyakan pengunjung memilih muzium di negara ini sebagai *destinasi menarik* untuk dikunjungi kerana tertarik dengan warisan budaya masyarakat yang ditonjolkan di situ. Mereka dapat memahami keunikan warisan dan budaya masyarakat yang menjadi cerminan budi dan pekerti masyarakat Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Mengenali Budaya Warisan’
oleh Hafiz Ithnin,
Harian Metro, 2 Oktober 2018

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkaian kata *destinasi menarik*. [2 markah]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kepentingan warisan budaya kepada masyarakat Malaysia. [3 markah]

(iii) Media massa amat berperanan dalam usaha memelihara dan mengekalkan warisan budaya di negara ini.

Pada pendapat anda, apakah peranan media massa dalam usaha mengekalkan warisan tersebut?

[3 markah]

(iv) Persatuan Sejarah sekolah anda telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Muzium Negeri Terengganu di Losong. Anda selaku Setiausaha Persatuan Sejarah telah ditugaskan untuk menyediakan laporan tentang budaya warisan bangsa yang terdapat di muzium tersebut. Anda menghadapi masalah untuk menyiapkan laporan tersebut kerana pengunjung dilarang untuk mengambil gambar yang berkaitan unsur-unsur budaya bangsa yang banyak dipamerkan di muzium tersebut.

Sebagai seorang setiausaha yang bertanggungjawab dalam menyiapkan laporan tersebut, apakah tindakan-tindakan yang boleh anda ambil agar gambar-gambar yang berkaitan dengan budaya bangsa boleh dimasukkan dalam laporan lawatan tersebut?

[4 markah]

SOALAN 7 – PEMAHAMAN PETIKAN SASTERA**LATIHAN 1**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Setiap kali saya meluahkan hasrat untuk bermastautin di ibu kota, bonda memberikan pelbagai alasan agar saya terus menetap di kampung halaman tercinta ini. Kata bonda, ilmu agama saya masih terlalu cetek dan nipis. Bimbang saya akan hanyut dibawa arus hedonisme dan modenisme yang sedang melanda anak-anak muda kota. Malahan, kata bonda lagi, bahasa ibunda saya juga masih lemah. Bahasa yang membesarkan saya dengan segala adat resam dan nilai budaya warisan turun-temurun. Bahasa yang diwarisi nenek moyang sejak zaman -berzaman.

Bonda tahu, secubit ilmu yang mengisi dada saya yang kerdil ini tidak akan mampu mengekang ledakan perubahan sosial yang boleh meragut jati diri saya sebagai generasi bermaruah. Saya akui kebenaran kata-kata bonda tentang malapetaka yang sedang menghinggapi sekian ramai anak-anak sebangsa saya. Kebanyakannya tergadai maruah dan harga diri dek mengejar dunia yang bergelar globalisasi dalam menuju arus perdana.

Dipetik daripada cerpen Munsyi
Oleh Husna Nazri
Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2**REMAJA**

Dikau masih remaja
Jiwa mudah membara
Tanam benih sabar
Biar tidak mudah terbakar

Gunalah usia remajamu
Untuk memuntut ilmu
Jangan dipersia-siakan
Baru tiada penyesalan

Bina kekuatan diri
Dengan keteguhan iman
Menjadi insan terpuji
Daripada kemuliaan ketakwaan

Mohd .Azam Hasnizam Mohd Razali
Dewan Siswa, Julai 2016.

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, apakah alasan bonda setiap kali penulis menyatakan hasratnya bermastautin ke ibu kota?
[2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, kemukakan cara-cara mengekalkan jati diri .
[3 markah]
- (iii) Remaja pada hari ini ramai yang terlibat dalam gejala negatif sehingga menimbulkan pelbagai masalah kepada masyarakat dan negara.
Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang timbul kepada mereka pada masa akan datang.
[4 markah]
- (iv) Rakan anda selalu ponteng sekolah dan terlibat dalam kegiatan tidak bermoral. Anda berasa sedih dan kecewa melihat keadaan rakan anda itu.
Sebagai rakan baik, bagaimanakah anda dapat membantunya supaya tidak terlibat dalam masalah tersebut ?
[4 markah]

LATIHAN 2

Baca semua bahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1**ERTI HIDUP BERERTI**

Aku selalu didatangi
Malam sepi
Bagai kalung
Yang melingkari leherku
Tidak berubah keesokan hari
Siapa yang akan datang menjengukku
Keluhan seorang tua sunyi

Keheningan tasik
Kehijauan rumput
Hanya menjadi bayangan
Di penjuru ruang zaman
Cinta dalam rahim dilupakan
Dari sulung ditendang ke bongsu
Dari angh ditendang ke sulung balik
Kucari erti hidup
Menderita mengerang sakit
Berdiri tanpa ruang

Aku bagi mereka
Tiada makna
Anakku bakaku
Baik setia mahupun derhaka
Semoga disirami benih keinsafan
Menjadi penawar dalam hati
Embun cinta atasi angin dingin
Jangan terpegun
Ada yang mati
Ada yang hidup
Tiada yang kekal kecuali Tuhan

Suara Anak Pahang
Pekan Ilmu Sdn.Bhd

Bahan 2

Meskipun bapa sudah tidak lagi menjadi kaki burung ketitir, bapa sudah agak tua dan tidak boleh berbuat apa-apa lagi. Bapa hanya berada di rumah, makan dan tidur sahaja. Sikit-sikit boleh juga jaga cucu dan picit-picit tubuh ibu tetapi bapa sebenarnya sudah dimakan tua waktu itu.

Bapa tidak dapat ampu ibu lagi. Pasti juga tidak boleh angkat ibu ke tandas lagi. Mujurlah yang lumpuh, cuma ibu seorang. Kalau bapa juga lumpuh, entahlah. Aku tidak dapat membayangkan masalahnya.

Suatu hari, entah bagaimana, aku menjerit kuat sedikit sewaktu ibu sedang berak kerana lama sangat najisnya tidak terbit-terbit. Aku sudah naik kejang kaki tangan kerana lama ampu ibu. Dan aku lihat pipi ibu basah kerana air mata meleleh turun. Isteriku menerpa dan apabila melihat air mata ibu sedang mengalir melalui retak-retak di pipi ibu yang kendur hodoh itu, dia mengambil tempatku.

Dipetik daripada cerpen *Ibu dan Ceper*
Antologi *Harga Remaja*
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 3**SYAIR PESANAN IBU**

Dengarlah anak ibu berpesan
Lengkapkan diri dengan pelajaran
Hanyalah itu jadi bekalan
Untuk hidup di masa depan
Ilmu itu pelindung diri
Seperti kebun berpagar duri
Seperti sinar intan baiduri
Itulah tanda orang jauhari
Hidupmu kini di masa remaja
Bagaikan permata amat berharga
Jangan jatuh ke lembah hina
Nanti menyesal tidak berguna

Zurinah Hassan

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, apakah yang dilakukan oleh bapa?
[2 markah]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 3**, nyatakan harapan dan pesanan ibu.
[3 markah]

(iii) Berdasarkan **Bahan 3**, seorang ibu menyatakan bahawa betapa pentingnya ilmu pengetahuan kepada anaknya.

Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk memperoleh ilmu pengetahuan?
[3 markah]

(iv) Rakan baik anda menyatakan hasratnya untuk menghantar ayahnya ke rumah jagaan warga tua kerana kesibukan dalam kerjayanya.

Huraikan tindakan yang boleh anda lakukan untuk menghalang hasrat rakan anda itu?
[4 markah]

LATIHAN 3

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Keadaan kacau apabila jentolak hadir di depan rumah Munsyi yang kini tidak dilihat batang hidungnya. Burung berterbangan dan pohon di sekeliling Kampung Pagar terus ditumbang tanpa belas kasihan. Bunyi keluh jelas kedengaran dalam kalangan penduduk kampung yang mendiami kawasan pinggir bandar sejak zaman nenek moyang mereka. Yang menanti kepingan tanah ini, hanyalah pembinaan kondominium bertaraf tiga bintang yang berisi batu.

Dipetik daripada cerpen Munsyi
Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
oleh Nor Azisa Ishak,
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2**PANTUN ALAM SEKITAR**

Dari emas biarlah permata
Dalamnya digali berbatu-batu
Alam ternoda di depan mata
Masihkan saja dibiarkan begitu

Pergi ke kedai membeli bunga
Bunga dibeli cantik sekali
Alam sekitar perlu dijaga
Agar hidup sentiasa harmoni

Berjalan-jalan di tepi tasik
Bila berjalan perlu berhati-hati
Alam dijaga akan cantik
Agar dilihat semua generasi

Dua tiga kucing berlari
Mana nak sama si kucing belang
Jika tidak menjaga bumi
Nanti datang bencana alam

Sumber : Internet

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkap ketiga pantun. [2 markah]

(ii) Merujuk **Bahan 1 dan Bahan 2**, nyatakan keadaan alam setelah dirosakkan. [3 markah]

(iii) Alam sekitar tercemar disebabkan oleh pelbagai faktor.
Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor tersebut? [3 markah]

(iv) Anda dan rakan-rakan anda melihat seorang lelaki sedang membuang sampah ke dalam sungai berhampiran rumah anda.
Apakah yang dapat anda lakukan untuk menghalang kejadian tersebut? [4 markah]

LATIHAN 4

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

IMPIAN SEORANG NELAYAN

Burung Camar hinggap di jejari
Seorang nelayan sedang bermimpi
Mimpi tentang duyung
Mimpi tentang untung
Biduk hanyut dibawa ombak
Laut China selatan

Dalam mimpi berkata sang duyung
“Wahai nelayan kau anak laut
Di sini tempatmu
Di sini rezekimu
Pengorbanan yang kau lakukan
Ada balasannya”

Mega mendung
Laut pun bergoncang
Nelayan tersentak biduk sesat haluan
Sang mentari terlindung
Pantai tak kelihatan tawakal jalan akhirnya

Dalam pondok kecil beratap rumbia
Seorang ibu memandang hari muka
Sambil ia menyusukan bayi yang kehausan
Ufuk timur hilang dari pandangan

Wahai anak yang sedang menangis
Mungkin kini engkau tidak mengerti
Bila kau dewasa dan pandai nanti
Pengorbanan ayahmu sayang
Jangan kau lupakan

Lirik : M.Nasir

Bahan 2**ANAK LAUT**

Segar angin laut
 Mengembalikan rindunya pada kolek
 Bagai buih kecil terapung di air
 Menjaring sedikit rezeki
 Dan sisi ikan
 Kulit ketam
 Kepala sotong
 Dan kaki udang yang bersimpati

Seperti kolek terdampar di pasir
 Menampakkan urat-urat jalur-jalur tua
 Anak laut itu sudah dapat menerka
 Langkahnya hampir tiba
 Pada muara Pencipta

RAHIMIDIN ZAHARI

Antologi Anak Laut
 Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *mega mendung*. [2 markah]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kesulitan yang dihadapi oleh nelayan ketika mencari rezeki. [3 markah]

(iii) Kehidupan para nelayan masih tidak berubah walaupun mereka sentiasa gigih mencari rezeki.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk membantu golongan nelayan agar taraf hidup mereka lebih baik?

[3 markah]

(iv) Ketika musim tengkujuh, ayah anda yang bekerja sebagai nelayan dilarang turun ke laut untuk menangkap ikan kerana boleh mendatangkan bahaya kepada dirinya. Namun begitu, ayah anda perlu mencari rezeki untuk menampung keperluan anda sekeluarga.

Berikan cadangan kepada ayah anda untuk mencari rezeki ketika musim tengkujuh.

[4 markah]

LATIHAN 5

Baca **bahan-bahan** yang diberikan dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

DI PENTAS KEBEBASAN

Kamu membakar hutan bandar
kedai dan kereta disambar api kemarahan
semarak darah generasi abad dua puluh satu.

Siapa yang ditentang juga jelas
menegakkan keadilan dengan tangan kasar
meja rundingan pun turut dibakar.

Seorang tua termangu melihat kejadian
peristiwa yang tidak terlintas di fikiran
apakah yang dicari wahai anak muda?

Aku yang membina tiang kemerdekaan
kau bersorak bangga mematahkan.
Aku yang mengecat tugu sejarah
putih bersih sedap mata memandang
kau conteng dengan niat hitam.

Jari terketar tak mampu menampar
tangannya letih hendak menangani
mereka yang bingung di pentas kebebasan
tercari-cari nama negeri bumi yang dipijak
sedangkan ladang sudah dibajak
benih sudah dipilih untuk disemai.

Orang tua itu berbisik sedih
aku membina kamu meruntuhkan.

KHADIJAH HASHIM

Bahan 2

“Alhamdulillah... berkat pimpinan Datuk Onn, perhimpunan pemimpin kita yang diadakan di Johor pada 4 Mei yang lalu telah berjaya menubuhkan PERKEMBAR. Inggeris sudah membatalkan Malayan Union.

“Kami melihat nyala semangat dalam dua bola matanya. Suaranya bersahaja, tetapi setiap patah perkataan yang disebutnya cukup untuk menyemarakkan hati sanubari kami.

“Apa-apa pun,” sambung Ahmad Mutawakkil, “jangan lupa tentang matlamat utama kita – Tanah Melayu mesti merdeka!”

Usia Ahmad Mutawakkil pada waktu itu, baru 17 tahun. Meskipun masih terlalu muda, setiap kata dan tindak-tanduk Ahmad Mutawakkil *sangat berpengaruh*. Selain dihormati di kampungnya sendiri, dia juga disegani di seluruh daerah. Tatkala sayap parti dikembangkan ke daerah kami, dia terpilih sebagai antara orang kuatnya.

Dipetik daripada cerpen Cinta Ahmad Mutawakkil
Oleh Zainal Rashid Ahmad
antologi *Sejadah Rindu*
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *sangat berpengaruh*. [2 markah]

(ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan jasa-jasa pejuang kepada negara. [4 markah]

(iii) Sambutan Bulan Kebangsaan merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

Pada pendapat anda, apakah aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan oleh pihak sekolah untuk memeriahkan Sambutan Bulan Kebangsaan tersebut?

[3 markah]

(iv) Jiran anda merupakan seorang pejuang negara yang banyak berjasa kepada negara. Namun begitu, beliau sekarang hidup melarat seorang diri dan jasanya seolah-olah dilupakan oleh masyarakat.

Sebagai warganegara yang prihatin, kemukakan tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan untuk membantu jiran anda tersebut.

[4 markah]

SOALAN 8 (i) – PEMAHAMAN PETIKAN NOVEL**LATIHAN 1**

Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dipanjangkan lehernya ke luar pintu pejabat yang terbuka luas itu lalu dijenguknya suasana sekitar di dalam bar dan di luar bilik bedah yang dilengkapi dengan pelbagai bahan untuk kemudahan diagnosis.

Bahan ini akan digunakan untuk menjalankan beberapa ujian yang penting dalam bidang perubatan seperti imbasan CT, ultrasonografi, mamografi dan juga angiografi, elektrokardiogram, hemodialisis dan sebagainya yang terdapat di PRPK itu. Kecuali Utiah, Alai dan Landosi, jururawat-jururawat terlatih di pusat rawatan itu, tiada sesiapa yang lain berada di situ.

Ketiga-tiga orang jururawat itu pula kelihatan terhinggut-hinggut membersihkan segala peralatan di dalam bilik bedah dengan penuh tekun.

Dipetik daripada Novel Pantai Kasih,
karya Azmah Nordin,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan beberapa ujian yang penting dalam bidang perubatan.

[4 markah]

LATIHAN 2

Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Apa yang penting, kita tidak berputus asa. Budak-budak muda ini, kadang-kadang kita perlu ikut rentak mereka juga. Kita dampingi mereka selalu dan buat macam kawan. Alhamdulillah, nampaknya dah ada yang mula tunjuk minat. Malam ni pun, ramai juga yang datang,” kataku. Penduduk kampung yang datang pada malam itu beransur-ansur pulang. Beberapa orang anak muda kampungku pula sedang sibuk menyusun kerusi-kerusi yang digunakan tadi untuk disimpan di dalam stor balai raya. Beberapa orang ahli jawatankuasa pergerakan wanita juga kelihatan sibuk mengemas pentas dan pasu-pasu bunga. Sampah-sampah yang terdapat di persekitaran balai raya juga turut dikutip dan dimasukkan ke dalam plastik hitam.

Dipetik daripada novel Silir Daksina
karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah tindakan-tindakan yang dilakukan oleh penduduk kampung setelah selesai majlis tersebut?

[4 markah]

LATIHAN 3

Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Bagaimana dengan ikrarmu suatu ketika dahulu Felicia? Lupakah engkau tentang segala perkara yang pernah engkau pelajari sewaktu menjalani latihan asas secara intensif dahulu?” tanya Doktor Raiha kepadanya secara sinis.

Hampir tergelak Felicia apabila dia mengingati semula kata-kata Doktor Raiha. Hatinya tertanya-tanya, apakah Doktor Raiha akan memberikan ceramah tentang mata pelajaran Kejururawatan Asas, Anatomi dan Fisiologi, Kesihatan Diri dan Awam, Psikologi dan Etika dan sebagainya? Apakah Doktor Raiha akan terus mengingatkan dia tentang keperibadian dan sikap murni yang perlu dan seharusnya dimiliki oleh seorang jururawat, setiap kali bersua muka dengannya kelak? Menggesa dia agar terus berkorban untuk memuaskan hati para pesakit yang menerima rawatan di PRPK itu? Mengingatkan dia tentang kesungguhan, kecekapan dan juga rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap bidang tugasnya dalam kerjaya seperti itu?

Dipetik daripada novel Pantai Kasih,
karya Azmah Nordin
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh seseorang jururawat.

[4 markah]

LATIHAN 4

Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Tiada pelawat di hospital kecuali dua orang pelawat yang sedang berdiri di lobi. Salah seorang daripada mereka ialah seorang wanita berbangsa Kaukasia berambut ikal berwarna madu, dan bertubuh kurus tinggi. Seorang lagi ialah seorang lelaki Melayu yang tegap tinggi dan berkulit sawo matang. Mereka berdua bercakap dengan cara berdesis seperti ular tedung dan ada ketikanya satu dua ayat terlepas daripada lingkungan pendengaran dua orang penutur itu.

“Awak yang buat begini ada anak kita. Awak yang heret dia ke dalam masalah perniagaan awak!” Si wanita memulakan pertuduhan. Namun, si lelaki itu tidak mahu mengalah.

Dipetik daripada Novel Bimasakti Menari,
Karya Sri Rahayu Mohd Yusop,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan, nyatakan ciri-ciri watak dua orang pelawat yang berada di lobi hospital tersebut.

[4 markah]

LATIHAN 5

Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kini, Raiha hanya mampu mengeluh resah di ruang kondominium mewahnya itu. Agak lama dia terseret dalam menungannya. Dia memikirkan kepentingan para pesakit yang datang dengan harapan yang tinggi menggunung di pusat rawatan itu.

Tentang sikap Doktor Uwang daripada seorang yang mesra telah berubah dingin kepadanya. Tentang layanan kasar Felicia terhadap ibu tua Unong Siron tempoh hari. Kemudian, tentang beberapa aduan atau rungutan yang diterima daripada ahli keluarga para pesakit Doktor Uwang.

Ahli keluarga segelintir pesakit yang terdiri daripada golongan masyarakat kelas menengah bawah itu. Aduan dan rungutan yang kerap menusuk jiwanya, belakangan ini. Akhirnya ... sesuatu yang dilihat tapi tidak dinampak itu, biarpun masih kelam, sudah mula menunjukkan diri kini ...

Dipetik daripada novel Pantai Kasih,
karya Azmah Nordin
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan perkara-perkara yang difikirkan oleh Doktor Raiha semasa berada di kondominium mewahnya.

[4 markah]

SOALAN 8 (ii) – PEMAHAMAN NOVEL (KBAT)

Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani karya Beb Sabariah
- g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- h) Silir Daksina karya Nizar Parman

LATIHAN 1

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda kaji, jelaskan **satu** peristiwa yang menunjukkan kegigihan yang terdapat dalam setiap novel.

[6 markah]

LATIHAN 2

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, jelaskan **dua** peristiwa yang menunjukkan kasih sayang kepada pembaca.

[6 markah]

LATIHAN 3

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, jelaskan **dua** peristiwa yang dapat menunjukkan keberanian kepada pembaca.

[6 markah]

LATIHAN 4

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda kaji, jelaskan **satu** sikap tanggungjawab yang terdapat dalam setiap novel.

[6 markah]

LATIHAN 5

Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, nyatakan **dua** sikap kasih sayang kepada pembaca bagi novel tersebut.

[6 markah]

SOALAN 9 – RUMUSAN**LATIHAN 1**

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah. Kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1

Pendermaan organ dan tisu ialah proses mendermakan sebahagian organ atau tisu daripada tubuh badan kita untuk tujuan pemindahan atau transplantasi kepada orang lain yang memerlukan. Namun begitu, kesedaran dalam kalangan masyarakat kita tentang kepentingan menderma organ masih rendah sedangkan bilangan pesakit yang memerlukan pemindahan organ semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Selain itu, sesetengah masyarakat beranggapan bahawa pemindahan dan pendermaan organ haram di sisi agama Islam. Bagi mengatasi masalah tersebut, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan garis panduan pendermaan organ bagi menggalakkan masyarakat menderma organ. Jadi, isu mengenai pemindahan organ ini tidak seharusnya berbangkit. Kita tidak dapat menafikan bahawa faktor budaya menjadi penghalang untuk masyarakat menderma organ. Sejak kecil lagi, kita dididik menderma wang ringgit, masa dan tenaga, tetapi kita tidak pernah diajar untuk menderma organ. Bagi mereka yang berfikiran terbuka, memang ada keinginan untuk menderma organ, namun mendapat bantahan daripada ahli keluarga yang lain. Mereka bukan sahaja tidak sanggup menderma kepada ahli masyarakat yang lain tetapi juga kepada ahli keluarga sendiri disebabkan bimbang akan mendatangkan kemudaratan pada dirinya. Proses mengharap orang ramai agar sanggup menderma organ mengambil masa yang lama. Setakat ini, kempen yang terlalu sedikit menyebabkan orang ramai tidak mendapat gambaran yang sebenar.

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menderma organ, pihak yang berkenaan harus berganding bahu meningkatkan kesedaran masyarakat dengan memberikan maklumat berhubung kepentingan pendermaan organ supaya kita menjadi masyarakat yang penyayang. Di samping itu, dengan adanya ikrar daripada penderma organ, kita dapat mengubah kehidupan seseorang yang mengalami kegagalan fungsi organ. Alangkah murninya hati seseorang apabila mengikrarkan diri untuk memberikan organ mereka, selepas kematiannya semata-mata ingin membantu orang lain.

Dipetik dan diubah suai daripada,
Pendermaan Organ & Transplantasi,
<https://pendermaanorgan.gov.my>

Bahan 2

PENDERMAAN ORGAN



Pameran pendermaan organ dan pendaftaran pendermaan organ sempena sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia Peringkat Kebangsaan di Hospital Serdang, Selangor.

Ceramah pendermaan organ kepada pelajar Kolej Kejururawatan.

LATIHAN 2

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah. Kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1

Sukan ialah segala kegiatan yang memerlukan kemahiran atau ketangkasan serta tenaga yang dilakukan sama ada sebagai acara pertandingan, hiburan ataupun untuk mengisi masa lapang dan beriadah. Antara aktiviti sukan yang agak popular di negara kita pada masa ini ialah bola sepak, badminton, tenis, bola jaring dan bola baling. Banyak manfaat yang diperoleh masyarakat sekiranya mereka aktif bersukan. Antaranya ialah bersukan dapat mendisiplinkan diri. Hal ini dikatakan demikian kerana individu yang ingin berjaya dalam bidang sukan mesti mempunyai disiplin yang tinggi dan berupaya mengawal diri untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Sukan juga penting bagi membantu mengekalkan kesihatan fizikal dan mental. Hal ini dikatakan demikian kerana sukan dapat melancarkan perjalanan darah, mengurangkan lemak dalam salur darah, membantu perkumuhan dan membuang sisa-sisa yang tidak diperlukan oleh badan. Selain itu, bersukan juga dapat mengisi masa lapang individu. Seseorang yang melibatkan diri dalam bidang sukan dapat memenuhi masa lapang dengan berfaedah dan menghindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral. Di samping itu, sukan merupakan instrumen penting untuk mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. Sukan memerlukan semangat kekitaan dalam pasukan untuk meraih kemenangan.

Pelbagai pihak perlulah membantu memupuk minat masyarakat terhadap kegiatan bersukan. Di sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia boleh menyediakan pelbagai kemudahan sukan demi menggalakkan murid melibatkan diri dalam bidang tersebut. Begitu juga, pihak pengurusan sekolah perlu mewajibkan Program 1Murid 1Sukan sebagaimana yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini bertujuan untuk melahirkan generasi muda yang sihat, proaktif dan berdaya saing. Ibu bapa turut bertanggungjawab membentuk peribadi anak-anak untuk bersukan sejak dari kecil lagi. Ibu bapa boleh memberi sokongan moral, membelikan anak-anak majalah dan peralatan sukan,

Walaupun terdapat segelintir individu yang tidak meminati sukan dan tidak melibatkan diri dengan kegiatan kokurikulum, usaha untuk menarik minat golongan ini haruslah kekal berterusan, bak kata pepatah, genggam bara api biar sampai jadi arang. Jadikan kegiatan bersukan itu sebahagian daripada kehidupan kita.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Remaja Aktif Bersukan'
oleh Norsuhaila Ibrahim
Dewan Siswa, April 2017

Bahan 2

SUKAN DAN KESIHATAN



LATIHAN 3

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1

Sejak akhir-akhir ini, timbul banyak isu berkaitan integriti khususnya dalam kalangan penjawat awam. Integriti menurut Dewan Bahasa dan Pustaka bermaksud kejujuran, ketelusan, nama baik atau bebas daripada sebarang bentuk penyelewengan. Keruntuhan integriti tersebut akan menyebabkan peningkatan amalan rasuah dan pecah amanah. Di samping itu, individu yang tidak memiliki integriti akan sentiasa mencari peluang melakukan penyelewengan demi kepentingan peribadi tanpa memikirkan implikasi terhadap imej organisasi.

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani menyatakan bahawa fokus utama beliau dalam memimpin Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah untuk memastikan semua anggota PDRM berintegriti. Hal ini dikatakan demikian kerana isu integriti dalam kalangan pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjadi perkara utama yang akan diberi perhatian dan tumpuan bagi memastikan pasukan itu bebas daripada ancaman rasuah. Untuk memastikan perkara itu dicapai, PDRM menganjurkan kursus integriti kepada semua anggota secara berkala. Ketiadaan integriti dalam diri setiap individu bakal mengancam keselamatan negara.

Selain itu, pemimpin masyarakat pula perlu menjadi contoh kepada generasi kini dalam usaha membudayakan integriti. Negara masih mempunyai peluang dan ruang untuk membanteras rasuah sekiranya semua pihak memberikan keutamaan kepada aspek integriti dalam memastikan negara ini terus maju ke hadapan. Seterusnya, penjawat awam perlu menerapkan prinsip dan nilai-nilai murni dalam melaksanakan tugas agar citra perkhidmatan awam sentiasa dipandang tinggi dan dihormati oleh masyarakat. Oleh itu, budaya integriti yang kita amalkan akan menjadi cerminan kepada sahsiah yang terpuji.

Dipetik dan diubah suai daripada,
'Perkasa Sikap Integriti',
Oleh Muhd Afiq Al-Hafiz Mat Yusof
Kosmo, 8 Mei 2021

Bahan 2



Bahan 3

PANTUN INTEGRITI

Di atas para subur menjalar,
 Dipetik Melati petola hutan ,
 Imej negara musnah tercalar,
 Andai integriti diabai watan.

Meliar di hutan denak serama,
 Mati berbelas terkena panah,
 Marilah watan bersama-sama,
 Jujur dan ikhlas tunaikan amanah.

LATIHAN 4

Bahan 1

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Lebih 20,000 pesakit kanser baharu dikesan di Malaysia setiap tahun dengan purata usia bagi seorang pesakit lebih 40 tahun, kata Pengarah Urusan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia, (NCSM) Dr M Murallitharan. Situasi ini amat membimbangkan kerana usia individu yang dikesan menghidap kanser kini lebih muda dan jumlah kanak-kanak yang menghidap kanser juga adalah tinggi. Bagi lelaki, terdapat 10 jenis kanser yang sering dihadapi dan kategori tertinggi yang direkodkan ialah kanser usus diikuti paru-paru, prostat, limfoma, nasofarinks, hati, leukemia, perut, kulit dan pundi kencing. Merokok dikenal pasti antara punca utama yang mengakibatkan kanser seperti kanser paru-paru, tekak dan esophagus. Oleh itu, masyarakat digalakkan melakukan saringan kesihatan bagi mengesan gejala penyakit kanser.

Terdapat juga beberapa kanser berlaku disebabkan oleh keturunan. Kanser payudara dan kanser usus antara yang paling banyak berlaku di dalam keturunan. Bagi wanita pula, kanser tertinggi yang direkodkan ialah payudara diikuti kolorektal atau usus, pangkal rahim, paru-paru, ovari, corpus uteri, limfoma, tiroid, leukemia dan kulit. Walau bagaimanapun jumlah pesakit kanser pangkal rahim dilihat menurun dalam beberapa tahun ini. Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyediakan perkhidmatan imunisasi Human Papilloma Virus (HPV) untuk pelajar perempuan di tingkatan satu bagi mencegah kanser pangkal rahim. Selain itu, Organisasi Kesihatan Dunia turut menyenaraikan punca yang mencetuskan perkembangan sel kanser dalam tubuh manusia ialah pengambilan makanan yang tidak sihat seperti makanan yang mengandungi bahan kimia yang tinggi, daging merah dan daging proses apatah lagi jika bahan-bahan makanan tersebut didedahkan kepada anak-anak pada usia yang terlalu muda.

Dalam perkembangan lain, Program 'Satu Daerah, Satu Saringan' di setiap negeri turut dilaksanakan dalam usaha menggalakkan masyarakat melakukan saringan kesihatan khususnya mengesan penyakit kanser. Di samping itu juga, kerajaan akan bekerjasama dengan NCSM untuk mewujudkan klinik kanser bergerak yang menyediakan perkhidmatan saringan bagi mengesan kanser secara percuma. Usaha berkenaan bertujuan mengesan kanser di peringkat awal agar rawatan segera dapat dilakukan sekali gus mengelak sel kanser merebak dan dapat menyelamatkan nyawa.

Dipetik dan diubah suai daripada,
'Lebih 20000 Pesakit Kanser Baharu Dikesan - NCSM',
Berita Harian, 5 Dis 2022

Bahan 2

KANSER OH KANSER

Budak-budak gemar berlari,
 Dari permatang ke tengah padang
 Obesiti tidak kita hindari
 Kanser datang tanpa diundang

Hormati jiran perlu diamalkan
 Tak kira bangsa mahupun usia
 Buah dan sayur kurang dimakan
 Penyebab kanser kepada manusia

Bahan 3

| CEGAH KANSER | |
|--|--|
|  |  |
| <p>Sambutan Hari Kanser Sedunia tingkatkan kesedaran penyakit kanser</p> | <p>Penyelidikan oleh pakar-pakar sentiasa dilakukan bagi mengenal pasti ubat yang sesuai</p> |

LATIHAN 5

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1

Pertanian bandar bukanlah perkara baharu di negara ini, namun yang membezakannya hanyalah pertukaran fasa, iaitu daripada berkebun di kawasan yang luas ke kawasan yang terhad. Manfaat pertanian bandar dapat mewujudkan landskap yang kemas dan cantik. Sebagai contoh, kubis boleh menjadi pengganti kepada bunga di halaman rumah. Sayur yang ditanam sendiri juga mempunyai kualiti yang sangat baik kerana bebas daripada penggunaan bahan kimia. Namun begitu, kesibukan masyarakat dengan kerjaya masing-masing menjadi cabaran dalam mempromosikan pertanian bandar.

Selain itu, pertanian bandar mampu menjadi terapi kepada pekebun atau pengusaha. Mereka akan berasa tenang apabila melihat tanaman tumbuh subur di halaman rumah sendiri. Tambahan pula, hasil tanaman mampu menjadi sumber pendapatan sampingan. Hal ini dikatakan demikian kerana, hasil tanaman yang berlebihan boleh dijual kepada jiran tetangga atau rakan sepejabat.

Kesukaran mencari lokasi yang sesuai untuk bercucuk tanam turut menjadi cabaran dalam mempromosikan pertanian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan tempat di bandar berstrukturkan bangunan tinggi dan keadaan ini mengganggu pencahayaan yang diperlukan oleh tanaman. Selain itu, kos permulaan yang tinggi untuk menjayakan pertanian ini. Kos bergantung pada jenis sistem yang ingin digunakan oleh seseorang yang terlibat dalam pertanian ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Pertanian Bandar dan Matlamat Serampang Dua Mata”,
oleh Laupa Junus,
Dewan Masyarakat, Februari 2021

Bahan 2

Dasar Pertanian Negara Keempat telah mempromosikan pertanian bandar bagi memastikan jaminan bekalan makanan isi rumah mencukupi. Pertanian bandar telah pun diterajui oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Pertanian di sekitar Lembah Klang. Agensi-agensi ini telah mempromosikan pertanian bandar secara meluas namun sambutan masyarakat amat dingin. Pertanian bandar harus diberikan perhatian sebagai salah satu cara mengawal peningkatan kadar kemiskinan di bandar dengan mengurangkan kos perbelanjaan isi rumah.

Dipetik dan diubah suai daripada
www.sinarharian.com.my

Bahan 3

Pantun

Permata enam cincin di jari,
Cantik serasi melingkari urat;
Bercucuk tanam di laman sendiri,
Hubungan keluarga bertaut erat.

Riang berlibur di Danau Bota,
Pantai indah keliling taman;
Tanaman subur hiasi kota,
Alam indah udara nyaman.



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU**

**MODUL
INTERVENSI PEMBELAJARAN
SPM 2023**

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

PANDUAN JAWAPAN KERTAS 1**Latihan 1****Bahagian A****Cadangan Idea**

- Bahan 1 – Keburukan Vape – Meningkatkan Risiko kanser
Bahan 2 – Keburukan Vape – Boleh bertukar menjadi ketagihan dadah
Bahan 3 – Statistik pengguna Vape 2016-2019

Bahagian B**Soalan 1**

Cadangan idea- Kepentingan rekreasi

1. Mengeratkan hubungan sama ada dengan komuniti mahupun dengan ahli keluarga sendiri
2. Mampu memberikan ketenangan jiwa kepada anggota masyarakat
3. Rekreasi amat signifikan bagi menyihatkan badan
4. Aktiviti rekreasi mampu menggalakkan pertukaran idea atau buah fikiran dalam kalangan masyarakat.

Soalan 2

Cadangan Idea - Punca Kemalangan Jalan Raya

1. Kegagalan fungsi komponen kenderaan
2. Sikap pemandu (tidak mematuhi peraturan jalan raya)
3. Keadaan cuaca.

Soalan 3

Cadangan Idea – faktor-faktor kuih tradisional semakin dilupakan

1. Bahan mentah yang sukar diperolehi,
2. Rupa bentuk yang kurang menarik
3. Proses penyediaan yang rumit

Soalan 4

Cadangan Idea – Usaha-usaha untuk menyedarkan masyarakat tentang kanser

1. Media massa menghebahkan informasi tentang kepentingan pencegahan kanser atau mendapatkan rawatan awal kanser.
2. Pihak sekolah mengadakan kempen kesedaran tentang kanser
3. Ibu bapa memberikan peringatan dan nasihat kepada anak-anak tentang penyakit kanser.
4. Pihak kerajaan mengadakan sambutan Hari Kanser Sedunia yang disambut pada 4 Februari pada setiap tahun.

Latihan 2**Bahagian A****Cadangan Idea**

Bahan 1 – Definisi rasuah

Bahan 2 – Langkah – Pendidikan Awal tentang rasuah di sekolah

Bahan 3 – Langkah – Masyarakat melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya menerima rasuah

Bahagian B**Soalan 1**

Cadangan idea- Faktor-faktor masalah disiplin

1. Murid yang terlalu mengikut kehendak sendiri.
2. Ibu bapa juga turut menjadi penyebab utama kerana keadaan dan suasana dalam keluarga
3. Unsur negatif yang disalurkan melalui media massa

Soalan 2

Cadangan Idea - Kelebihan-kelebihan mengadakan Hari Keluarga yang terdapat dalam petikan/stimulus.

1. Mengeratkan hubungan persaudaraan
2. Membina insan yang sempurna terutamanya bagi kanak-kanak
3. Mempelajari sikap saling membantu antara satu sama lain

Soalan 3

Cadangan Idea – Faedah Perkembangan sains dan teknologi

1. Memudahkan urusan manusia di pejabat.
2. Memudahkan komunikasi antara masyarakat
3. Menyumbang kepada industri kesihatan
4. Meningkatkan teknologisektor Pendidikan

Soalan 4

Cadangan Idea – Usaha-usaha untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

1. Ibu bapa menggalakkan anak-anak bergaul dengan masyarakat berlainan bangsa.
2. Kerajaan- menganjurkan aktiviti kemasyarakatan
3. Menyambut perayaan pelbagai kaum di Malaysia
4. Rakyat sentiasa patuh dengan peraturan dan undang-undang negar

Latihan 3**Bahagian A****Cadangan Idea**

Bahan 1 – Kepelbagaian kaum di Malaysia

Bahan 2 – Langkah - Rakyat menghargai kemerdekaan yang dikecapi

Bahan 3 – Langkah - Sukan dapat mengeratkan perpaduan kaum

Bahagian B**Soalan 1**

Cadangan idea- Punca-punca obesiti masyarakat Malaysia

1. Masyarakat menggemari makanan yang mengandungi kolesterol tinggi
2. Tidak melakukan senaman,
3. Masyarakat Malaysia juga suka makan secara berlebihan.

Soalan 2

Cadangan Idea - Langkah-langkah untuk memastikan martabat bahasa Melayu dapat ditingkatkan.

1. Menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam penyiaran dan pengiklanan
2. Urusan rasmi negara menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya
3. Kempen Cintailah Bahasa Kita
4. Menganjurkan aktiviti bahasa

Soalan 3

Cadangan Idea – Kepentingan ilmu pengetahuan

1. Mendapat peluang pekerjaan yang lebih luas.
2. Melahirkan pakar-pakar dalam pelbagai bidang.
3. Menjamin masa depan seseorang

Soalan 4

Cadangan Idea – Tindakan seorang yang mempunyai semangat patriotik

1. Menggunakan kemudahan awam dengan baik.
2. Menjaga tingkah laku
3. Memelihara alam sekitar

Latihan 4**Bahagian A****Cadangan Idea - Langkah-langkah membendung Kemalangan Jalan raya**

Bahan 1 – Langkah – Kempen Keselamatan Jalan Raya

Bahan 2 – Langkah – Undang- undang yang lebih tegas

Bahan 3 – Statistik Kemalangan Jalan raya

Bahagian B**Soalan 1**

Cadangan idea - Langkah-langkah untuk membendung masalah kenaikan harga barang.

1. Kempen yang menyeluruh dan berkesan
2. Penguatkuasaan undang-undang
3. Memboikot barang dan pasar raya yang menaikkan harga barang
4. Mengamalkan amalan berjimat-cermat

Soalan 2

Cadangan Idea - Kepentingan-kepentingan menjaga bangunan bersejarah

1. Memupuk semangat patriotic dalam kalangan masyarakat
2. Mengekalkan indentiti negara
3. Menjadi sumber penyelidikan dan Pendidikan
4. Produk pelancongan

Soalan 3

Cadangan Idea – punca-punca yang menyebabkan generasi muda meminggirkan kuih tersebut.

1. Lambakan makanan dari negara luar / asing.
2. Anak-anak tidak didedahkan dengan kuih tradisional oleh ibu bapa.
3. Kuasa pengiklanan yang lebih mengutamakan makanan luar dan makanan segera.
4. Bentuk dan rasa tidak menarik perhatian masyarakat.
5. Penyediaan kuih tradisional mengambil masa yang lama
6. Kuih tradisional kurang terdapat dalam pasaran

Soalan 4

Cadangan Idea – Usaha-usaha untuk menghargai tokoh-tokoh.

1. Membina memorial negarawan.
2. Pertandingan video jasa dan sumbangan tokoh
3. Memberikan sumbangan kepada tokoh / keluarga tokoh
4. Menamakan jalan / atau bangunan sempena nama tokoh.

PANDUAN JAWAPAN KERTAS 2**SOALAN 1 - MORFOLOGI****LATIHAN 1**

1. Orang asli
Maksud: orang asli atau penduduk peribumi tidak mempunyai takrifan yang sejagat, piawai atau tetap, tetapi biasanya merujuk kepada masyarakat peribumi asal yang terdapat dalam sesuatu negara, negeri, daerah ataupun tempat.
2. Demam campak
Maksud: adalah jangkitan akut pada kanak-kanak disebabkan oleh virus measles. Pesakit demam campak biasanya mengalami gejala jangkitan respiratori dan disertai ruam pada kulit.
3. Ujian makmal
Maksud: huruf-huruf khusus pada keputusan ujian makmal untuk mendapatkan perhatian pengamal perubatan terhadap keputusan ujian tersebut.
4. Kakitangan
Maksud: pekerja (pejabat, syarikat, dll) pembantu (yg turut melaksanakan atau mengurus kerja) / kaedah atau cara majikan mengurus dan mentadbir kakitangan dalam organisasi.
5. Campur tangan
Maksud: (a) mengambil bahagian dalam atau memasuki hal orang (kejahatan dll); (b) berkait atau terlibat dalam hal orang dll

LATIHAN 2

1. Rakan Alam Sekitar (RAS)
2. Jabatan Alam Sekitar (JAS)
3. Tadika (Taman didikan kanak-kanak)
4. Cerpen (Cerita pendek)
5. GAPENA (Gabungan penulis Nasional)
6. Kugiran (kumpulan gitar rancak)

LATIHAN 3

1. Menggunakan
Maksud: melakukan sesuatu dengan; mengambil sesuatu utk sesuatu tujuan:
2. Menghabiskan
Maksud: 1. menggunakan (memakan, membelanjakan, dll) hingga habis, membuang-buang (masa, tenaga, dll) 2. Menyudahkan, menyiapkan, menyelesaikan : dia pergi~kerjanya yg terbengkalai: 3. menamatkan, mengakhiri; ~ceritanya (cakupannya) menamatkan ceritanya (cakupannya); 4. menghabisi, membunuh: kekanda berjanji dgn keris ini akan~siapa sahaja yg cuba mengganggu adinda.

3. Mengumpulkan
Maksud:1. Menjadikan atau membuat supaya berkumpul, mengambil(mengutip) benda-benda yg berselerak(bercerai-berai) supaya menjadi sekelompok: 2.mengeraikan(orang dll)supaya menjadi pasukan, menghimpunkan, mengampungkan: 3.menjumlahkan (menyatukan)sebilangan sesuatu supaya menjadi suatu jumlah.
4. Berfikiran
Maksud:mempunyai fikiran (akal dll);
5. Merasakan
